

ANALISIS WACANA PERBUALAN DALAM PROGRAM
WAWANCARA *NASI LEMAK KOPI O*

OLEH

HUSNA ZAFIRAH BINTI ABDUL FAUDZLI

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

2024

ANALISIS WACAN PERBUALAN DALAM PROGRAM
WAWANCARA *NASI LEMAK KOPI O*

OLEH

HUSNA ZAFIRAH BINTI ABDUL FAUDZLI (2014366)

Kertas Projek Tahun Akhir ini diserahkan bagi
memenuhi keperluan dalam Ijazah Sarjana Muda
Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa

Kulliyyah Pelancongan Mampan Dan Bahasa
Kontemporari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

JUN 2024

Abstrak

Analisis wacana perbualan dalam program wawancara memfokuskan pada pemahaman struktur dan makna percakapan yang terjadi dalam konteks program wawancara. Program wawancara menitikberatkan supaya program mencapai tujuan penyiaran dalam menyampaikan maklumat yang berkualiti kepada khalayak. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti turutan pasangan berdampingan dan kesan turutan pasangan berdampingan dalam ujaran pameran khususnya dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif yang menggunakan kaedah pemerhatian langsung dalam talian dan transkripsi audio kepada teks bagi mendapatkan data. Data dianalisis melalui kaedah analisis kandungan teks dengan mengaplikasikan Teori Analisis Perbualan Heritage (1992). Dapatan kajian menunjukkan terdapat lapan turutan perbualan yang ditemui dalam ujaran di antara pengacara dan orang yang diwawancara (ODW). Lapan turutan pasangan berdampingan yang ditemui adalah tegur-sapa, tanya-jawab, pertanyaan-sindiran, keluhan-penjelasan, sindiran-sindiran, penawaran-penerimaan, perintah-pemberian maklumat dan pemberian penghargaan-pemberian penghargaan. Kesan penggunaan turutan perbualan ini menunjukkan kesan yang positif iaitu membantu dalam menjaga aliran perbualan yang lancar dan memastikan informasi yang diterima adalah jelas. Kesimpulannya, pemilihan dan pengaplikasian turutan pasangan berdampingan yang tepat dalam perbualan adalah sangat penting bagi meningkatkan pemahaman tentang dinamika komunikasi dalam program wawancara televisyen dan membantu meningkatkan kualiti penyiaran di Malaysia.

Kata kunci: wacana, perbualan, pasangan berdampingan, program wawancara, tanya-jawab

Abstract

Discourse analysis in interview programs focuses on understanding the structure and meaning of conversations within the context of an interview program. Interview programs emphasize achieving the goal of broadcasting by delivering quality information to the audience. Thus, this study aims to identify adjacency pairs and their effects in conversational exhibits, specifically in the interview program Nasi Lemak Kopi O. This qualitative descriptive study employs online direct observation and audio-to-text transcription methods to obtain data. Data is analyzed through textual content analysis using Heritage's Conversation Analysis Theory (1992). The findings of the study reveal eight conversational sequences found in the utterances between the host and the interviewee. The eight adjacency pairs identified are greetings, question-answer, question-sarcasm, complaint-explanation, sarcasm-sarcasm, offer-acceptance, command-information provision, and gratitude-gratitude. The effect of using these conversational sequences shows positive outcomes, helping to maintain a smooth flow of conversation and ensuring that the information received is clear. In conclusion, the selection and application of appropriate adjacency pairs in conversations are crucial for enhancing understanding of communication dynamics in television interview programs and helping to improve broadcasting quality in Malaysia.

Keywords: discourse, conversation, adjacency pairs, interview program, question-answer

PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa saya telah menyelia dan membaca kajian ini dan pada pendapat saya, ia mematuhi piawaian penyampaian ilmiah yang boleh diterima dan sepenuhnya mencukupi, dalam skop dan kualiti, sebagai kertas projek untuk Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa.

.....
Dr. Azean Idruwani Binti Idrus
Penyelia

Saya mengesahkan bahawa saya telah menyelia dan membaca kajian ini dan pada pendapat saya, ia mematuhi piawaian penyampaian ilmiah yang boleh diterima dan sepenuhnya mencukupi, dalam skop dan kualiti, sebagai kertas projek untuk Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa.

.....
Pemeriksa
Dalaman

Kertas projek ini dikemukakan kepada Jabatan Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsadan diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa.

Dr. Nurul Jamilah binti Rosly
Ketua Jabatan

Kertas projek ini dikemukakan kepada Kulliyah Bahasa dan Pengurusan dan diterimasebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa.

Prof. Madya Dr. Mohd Azrul Azlen bin Abd. Hamid
Dekan
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa
Kontemporari

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Saya dengan ini memperakui bahawa kertas projek tahun akhir ini adalah hasil kajian saya sendiri, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apapetikan, ekstrak, rujukan, atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan dalam kajian ini. Saya juga memperakui bahawa sebelum ini atau secara serentak kajian ini belum pernah diserahkan secara keseluruhan untuk sebarang ijazah lain di UIAM dan institusi lain.

Husna Zafirah Binti Abdul Faudzli

Tandatangan

Tarikh20 JUN 2024.....

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

**PERAKUAN HAK CIPTA DAN PENGESAHAN KEGUNAAN
KAJIAN YANG TIDAK DITERBITKAN**

**ANALISIS WACANA PERBUALAN DALAM PROGRAM
WAWANCARA NASI LEMAK KOPI O**

Saya mengaku bahawa pemegang hak cipta kertas projek tahun akhir ini dimiliki bersama pelajar dan UIAM.

Hak cipta © 2020 oleh Husna Zafirah Binti Abdul Faudzli dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian penyelidikan yang tidak diterbitkan ini boleh diterbitkan semua, disimpan dalam sistem pengambilan semula, atau dihantar, dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, elektronik, mekanik, salinan, rakaman atau sebaliknya tanpa izin bertulis terlebih dahulu daripada pemegang hak cipta kecuali seperti yang dinyatakan di bawah.

1. Sebarang bahan yang terkandung dalam atau diperolehi daripada penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam tulisan mereka dengan pengakuan yang wajar.
2. UIAM atau perpustakaan mempunyai hak untuk membuat dan menghantar salinan (cetak atau elektronik) untuk tujuan institusi dan akademik.
3. Perpustakaan UIAM akan mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam sistem pengambilan dan membekalkan salinan penyelidikan yang tidak diterbitkan ini jika diminta oleh universiti lain dan perpustakaan penyelidikan.

Dengan menandatangani borang ini, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami dasar Hak Pengkomersialan dan Pengkomersilan Harta Intelekt UIAM.

Disahkan oleh: Husna Zafirah Binti Abdul Faudzli

.....
Tandatangan

.....20 JUN 2024.....
Tarikh

PENGHARGAAN

Assalamualaikum, dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, pertama sekali dan paling utama, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi pujian kepada Allah S.W.T. yang telah memberikan saya kesabaran, kekuatan, ketekunan dan keberanian untuk menyelesaikan Projek Tahun Akhir saya yang bertajuk “Analisis Wacana Perbualan dalam Program Wawancara Nasi Lemak Kopi O”. Selain itu, saya amat berterima kasih kepada penyelia saya, Dr Azean Idruwani Binti Idris kerana sikapnya yang sabar, baik hati, teliti dan cepat bertindak telah mempermudah penyelesaian kerja saya. Perhatian serta bimbingan daripada Dr Azean banyak membantu saya dalam memperbaiki hasil kerja ke arah yang lebih baik. Pemahaman beliau yang cemerlang tentang tujuan dan kandungan kerja ini telah membawa kepada komen, cadangan dan soalan yang sangat membantu saya. Walaupun beliau mempunyai komitmen yang banyak, beliau tetap meluangkan masa untuk mendengar dan memberi perhatian kepada saya setiap kali saya memelukannya. Sokongan moral yang diberikan oleh beliau tidak dapat dinafikan menjadi dorongan yang membantu dalam membina dan menulis draf kerja penyelidikan ini. Terima kasih yang tak terhingga saya ucapkan kepada Dr Azean.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat sahabat saya Nadia dan Nabilah yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan serta menjadi sumber kekuatan saya untuk meneruskan perjuangan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya iaitu Anness, Sarah, Farah, Adlina, Ikahanif dan Shafikah yang sentiasa menjadi pendengar dan sentiasa berada di sisi sepanjang empat tahun ini. Tanpa kalian semua, saya tidak mampu meneruskan perjalanan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ini dengan baik. Semoga Allah SWT membalas setiap kebaikan dan jasa yang dicurahkan dengan kebaikan yang lebih baik di masa hadapan. Semoga kita bersama-sama mencapai apa yang kita impikan. Terima kasih diucapkan sekali lagi kepada kalian semua.

Ucapan terima kasih saya tujukan kepada ibu bapa saya Fauziah dan Abdul Faudzli yang dikasihi; atas doa, pemahaman, kepercayaan dan kasih sayang yang dicurahkan kepada saya sehingga saya mampu berdiri hingga ke hari ini. Segala pengorbanan dan sokongan yang tidak henti-henti daripada mereka menjadi tunggak kepada kejayaan saya. Malah tidak lupa juga kepada seluruh ahli keluarga, adik beradik yang sentiasa memberikan sokongan dan bantuan di kala saya memerlukan.

Sekali lagi, pujian kepada Allah SWT atas rahmat-Nya yang tiada henti dan salah satunya adalah dengan membolehkan saya berjaya menyelesaikan penulisan Projek Akhir Tahun ini. Alhamdulillah.

SENARAI KANDUNGAN

Abstrak.....	ii
Abstract.....	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	v
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA.....	vi
PENGHARGAAN	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.0 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	2
1. 2 PERNYATAAN MASALAH.....	5
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.4 PERSOALAN KAJIAN	8
1.5 BATASAN KAJIAN	8
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	9
1.7 DEFINISI OPERASIONAL.....	11
1.7.1 Wacana.....	11
1.7.2 Perbualan.....	12
1.7.3 Wawancara	13
1.8.1 Kerangka Konseptual	14
1.8.2 Kerangka Teoritikal	15
1.9 RUMUSAN	16

BAB 2	18
SOROTAN LITERATUR	18
2.1 PENGENALAN	18
2.2 KAJIAN MENGENAI TURUTAN UJARAN PASANGAN BERDAMPINGAN	19
2.3 KAJIAN LEPAS MENGENAI PENGAMBILAN GILIRAN	20
2.4 KAJIAN MENGENAI PENGAMBILAN GILIRAN	23
2.5 RUMUSAN	25
 BAB 3.....	 26
METODOLOGI KAJIAN.....	26
3.0 PENGENALAN	26
3.1 REKA BENTUK KAJIAN.....	26
3.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA	28
3.2.1 Kaedah kepustakaan.....	29
3.2.2 Pemerhatian langsung dalam talian	30
3.2.3 Transkripsi audio kepada teks.....	31
3.3 KAEDAH PENGANALISISAN DATA	33
3.3.1 Kaedah Analisis kandungan	33
3.4 RUMUSAN.....	35
 BAB 4	 36
ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	36
4.0 PENGENALAN	36
4.1 DAPATAN KAJIAN.....	36
4.2 ANALISIS DATA.....	38
4.3 RUMUSAN	62
 BAB 5	 63
RUMUSAN	63
5.0 PENGENALAN	63
5.1 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN	63

5.2 IMPLIKASI KAJIAN	67
5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN.....	68
5.4 RUMUSAN	70
 RUJUKAN	 71

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Simbol transkripsi dan singkatan kata	31-32
Jadual 2: Pola turutan ujaran pasangan berdampingan dalam program wawancara <i>Nasi Lemak Kopi O</i>	37

SENARAI RAJAH

Rajah 1.8.1 Kerangka Konseptual	14
Rajah 1.8.2 Kerangka Teoritikal	15

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Analisis wacana dalam satu bidang penyelidikan yang berfokus kepada kajian mengenai bahasa yang digunakan dalam teks dan konteks sosial. Ia melibatkan kajian tentang bagaimana makna dibentuk, disampaikan dan diterima melalui penggunaan bahasa dalam komunikasi sehari-hari. Menurut Shamin Sharif & Mohd Khaidir (2023), analisis wacana menjurus kepada struktur atau peraturan lakuan komunikasi yang berlaku dalam kehidupan seharian. Ini disebut demikian kerana, perbualan melibatkan pembicara dan pendengar dalam percakapan lisan sedangkan dalam tulisan melibatkan penulis dan pembaca. Oleh itu, kajian analisis wacana boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama, wacana tulisan yang terdapat dalam bentuk teks manakala wacana lisan dalam bentuk perbualan. Dengan berdasarkan kajian analisis wacana, penggunaan bahasa melalui perbualan dalam satu-satu peristiwa bahasa secara tidak langsung dapat menggambarkan tindakan pameran. Kemahiran berbahasa yang baik dapat menghasilkan soalan dan jawapan yang berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa berperanan sebagai alat komunikasi dan alat untuk menyatakan fikiran, selain sebagai kegiatan yang bermakna dan menjadi sistem lambang yang dihasilkan oleh manusia (Asmah Hj Omar, 2011).

Menurut Nur Amirah (2020), analisis perbualan lebih tertumpu kepada ujaran berbentuk lisan berbanding analisis wacana yang lebih menyeluruh. Analisis perbualan, yang juga dikenali sebagai analisis percakapan, merupakan satu cabang dalam kajian analisis wacana yang meneliti cara-cara bahasa digunakan dalam interaksi sosial. Menurut Rauf (2017), tujuan analisis perbualan adalah untuk mengenal pasti pola-pola, unit-unit,

dan kaedah-kaedah yang digunakan dalam percakapan. Perbualan adalah interaksi verbal di antara dua orang atau lebih yang bertujuan untuk berbagi informasi, mencapai kesepakatan, menyangkal atau mengungkapkan informasi, serta dapat digunakan dalam sesi tanya jawab (Shamin Sharif & Mohd Khaidir, 2023). Perbualan melibatkan setiap pameran bersoal jawab bagi mencapai matlamat komunikasi yang berlaku. Proses yang berlaku boleh berlaku sama ada dirancang atau tidak dirancang dan seterusnya mewujudkan struktur interaksi. Proses ini melibatkan sama ada satu orang dua orang atau lebih.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Wawancara melibatkan interaksi antara pengacara dan orang yang diwawancara (ODW). Hasil daripada interaksi ini akan mewujudkan perbualan yang melibatkan pola tanya jawab. Pengacara bertanggungjawab untuk bertanyakan soalan kepada ODW manakala ODW akan menjawab soalan yang diberi. Apabila wujudnya bentuk tanya jawab ini, muncul pelbagai bentuk pasangan berdampingan yang membantu pengacara memvariasikan bentuk soalan yang diberikan kepada ODW. Antara variasi bentuk pasangan berdampingan yang lain adalah seperti tegur-sapa, pertanyaan-pertanyaan, andaian-penjelasan, keluhan-bantahan dan banyak lagi. Aziz dan Harun (2022) membandingkan penggunaan pola pasangan berdampingan dalam konteks formal dan informal mendapati variasi dalam cara pola ini diterapkan. Dalam konteks formal seperti program wawancara, pola ini lebih berstruktur berbanding dalam perbualan harian yang lebih santai. Penggunaan pola pasangan berdampingan dalam program wawancara membantu dalam menstrukturkan perbualan kerana pola ini mampu mengawal giliran bercakap.

Wawancara adalah satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan interaksi langsung antara pengkaji dengan responden melalui sesi soal jawab. Wawancara digunakan untuk mendapatkan maklumat mendalam mengenai pandangan, pengalaman dan pemahaman individu tentang sesuatu topik. Wawancara melibatkan perbualan secara bersemuka, telefon atau platform dalam talian. Kaedah ini memberi peluang kepada pengkaji untuk menggali lebih dalam terhadap jawapan yang diberikan, mendapatkan penjelasan dan butiran tambahan. Wawancara adalah kaedah pengumpulan data yang berkesan dalam memahami fenomena sosial daripada perspektif orang yang mengalaminya secara langsung. Ia membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang mendalam (Dr. Nik Yusri Musa 2019). Konklusinya, wawancara adalah salah satu kaedah pengumpulan maklumat yang diperolehi daripada sesi soal jawab yang diperolehi dari perspektif orang yang diwawancara. *Nasi Lemak Kopi O* merupakan program wawancara yang membincangkan topik-topik hangat yang berlaku dan juga membantu mempromosi usahawan-usahawan tempatan. Program pengacaraan ini dipandu oleh seorang moderator yang bertindak sebagai pengacara. Tugas pengacara meliputi memulai dan mengakhiri perbincangan secara langsung. Terdapat juga individu dari pelbagai latar belakang diundang sebagai narasumber untuk membahas topik, berbagi informasi dan mempengaruhi penonton mengenai isu yang dibahas sehingga membentuk jaringan yang menyebarkan informasi.

Dalam analisis wacana, pasangan berdampingan merujuk kepada dua konsep yang sering muncul atau berinteraksi bersama-sama dalam konteks teks atau perbualan. Pasangan berdampingan ini berupa kata-kata, frasa, konsep atau tema yang saling berkait atau memiliki hubungan yang erat dan keberadaan keduanya seringkali memberikan

pemahaman yang lebih lengkap terhadap konteks atau mesej yang ingin disampaikan. Mekanisme turutan ujaran pasangan berdampingan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* tidak hanya berfungsi sebagai medium informasi tetapi juga memiliki dimensi komunikatif yang lebih kuat. Dengan adanya turutan ujaran pasangan berdampingan, para peserta dapat berpartisipasi secara langsung dan aktif dalam program pengacaraan (Azean, Ahmad Mahmood & Sharil Nizam, 2019). Hal ini terjadi kerana, turutan ujaran berdampingan adalah cara interaksi antara dua pihak secara bergiliran dalam bentuk pasangan untuk menghasilkan perbualan. Menurut Heritage, 1992: 248, kehadiran pasangan berdampingan dalam perbualan bukanlah untuk mengatur tindakan penutur, tetapi berkaitan dengan susunan struktural dalam perbualan. Oleh itu, turutan pasangan berdampingan yang digunakan oleh pengacara dan orang yang diwawancara (ODW) perlu dititikberatkan supaya program tersebut mencapai tujuan penyiaran dalam menyampaikan maklumat yang berkualiti kepada khalayak.

Berikutan dengan objektif kajian ini untuk mengenal pasti turutan pasangan berdampingan yang terdapat dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*, maka kajian ini akan menganalisis bentuk pasangan berdampingan yang wujud. Hal ini akan menunjukkan bahawa dalam perbualan, terdapat pelbagai variasi atau bentuk bahasa khususnya bentuk tanya jawab yang digunakan oleh pengacara dan ODW. Pasangan berdampingan bukan sahaja mengandungi bentuk tanya jawab malah lebih daripada itu. Antaranya adalah tegur-sapa, pertanyaan-pertanyaan, andaian-penjelasan, keluhan-bantahan dan lain-lain lagi. Jika diteliti perbualan yang terdapat dalam program wawancara tersebut, tidak semua persoalan hanya dijawab dengan jawapan tetapi ianya boleh jadi lebih daripada itu. Misalnya dalam bentuk pertanyaan, sindiran, sangkalan dan juga bantahan.

Di samping itu, apabila wujudnya kepelbagaian dalam soal jawab maka akan wujudnya pelbagai bentuk perbualan. Kepelbagaian ini boleh mempengaruhi bentuk perbualan. Soalan yang diajukan boleh berupa soalan terbuka yang mengundang jawapan panjang dan terperinci atau soalan tertutup dan mendapat jawapan yang lebih panjang yang mengandungi lebih banyak maklumat atau jawapan ringkas dan spesifik. Selain itu, topik yang kompleks atau sensitif perlu memerlukan pendekatan yang lebih berhati-hati dan respons yang lebih terperinci. Kepelbagaian dalam pasangan berdampingan membantu membentuk makna dan persepsi dalam perbualan. Bagaimana soalan diajukan dan jawapan diberikan mempengaruhi bagaimana sesuatu topik itu difahami dan dinilai.

Analisis ini perlu dilakukan untuk melihat kepelbagaian pasangan berdampingan dalam sesi wawancara. Hal ini, ia bukan sahaja berperanan sebagai konteks interaksi antara pengacara dan ODW sahaja, malah memastikan bahawa perbualan yang berlaku adalah menarik, bermakna dan relevan. Tambahan pula, kajian ini penting untuk memastikan aliran perbualan dalam wawancara berjalan lancar. Melalui kajian yang mendalam tentang kepelbagaian bentuk pasangan berdampingan ini, struktur dan kandungan perbualan akan lebih mudah dipahami untuk mencapai tujuan komunikasi yang lebih efektif.

1. 2 PERNYATAAN MASALAH

Dalam program wawancara, terdapat sesi soal jawab di antara pengacara dan orang yang diwawancara (ODW). Interaksi antara pengacara dan ODW dalam program wawancara bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang isu atau pertanyaan yang dibicarakan. Dalam sesi tanya-jawab, kebiasaanya pengacara akan bertanya soalan dan ODW akan menjawab soalan yang diujarkan. Kelancaran sesi soal jawab ini akan terganggu apabila

soalan yang dijawab tidak memenuhi piawaian atau kehendak jawapa yang diinginkan oleh pengacara. Kekurangan jawapan yang dikehendaki boleh menyebabkan gangguan kepada aliran komunikasi, di mana pengacara mungkin perlu mengubah strategi mereka untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci (Siti Noor Hayati, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila pengacara tidak mendapatkan jawapan yang tepat daripada soalan yang dilontarkan, ia akan menyebabkan gangguan kepada pengacara untuk memastikan aliran perbualan berada dalam landasan. Ini akan menyebabkan pengacara memerlukan kemahiran yang tinggi untuk mengawal dan mengendalikan perbualan seperti apa yang telah dirancang.

Oleh itu, hal ini menyebabkan wujudnya kepelbagaian bentuk tanya-jawab dalam sesebuah program wawancara. Kepelbagaian bentuk tanya-jawab ini akan menimbulkan kebingungan dan kesalahpahaman. Jika bentuk tanya-jawab digunakan berbeza-beza dan tidak konsisten, ini boleh menyebabkan kebingungan bagi pihak yang terlibat. Tambahan lagi, ia juga akan mengganggu kelancaran perbualan serta aliran program. Menurut Norhayati Ibrahim (2019), ketidakselarasan dalam struktur tanya jawab boleh menyebabkan komunikasi menjadi tidak jelas dan tidak teratur. Ini boleh menjelaskan aliran program dan menjadikan mesej yang ingin disampaikan menjadi kabur. Kewujudan kepelbagaian bentuk tanya-jawab ini akan menimbulkan masalah terhadap aliran program kerana komunikasi yang tidak jelas disebabkan tiada keselarasan dalam struktur tanya jawab.

Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian analisis wacana perbualan ini bagi mengatasi masalah yang berlaku dengan mengenal pasti turutan pasangan berdampingan dalam ujaran pameran khususnya dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Kajian ini penting

dijalankan adalah kerana untuk mengurangkan kesalahpahaman. Dengan menggunakan bentuk tanya jawab yang konsisten, risiko kesalahpahaman dapat dikurangkan. Pengacara dan ODW akan lebih memahami apa yang diharapkan dalam setiap jawapan, mengurangkan kekeliruan dan meningkatkan kejelasan komunikasi. Selain itu, ia juga membantu pengacara mengendalikan program tersebut dengan teratur tanpa berlaku apa-apa masalah yang tidak diingini. Jika kajian ini tidak dijalankan, akan berlaku ketidakfahaman dalam struktur perbualan kerana pengacara tidak memahami sepenuhnya cara berinteraksi dan teknik komunikasi yang baik dengan ODW. Begitu juga dengan penonton mungkin merasa bosan atau tidak terlibat dengan perbualan jika tidak disusun dengan baik. Ia boleh menyebabkan penonton merasa tidak puas hati dengan kandungan program.

Kesimpulannya, melakukan kajian analisis wacana perbualan dalam program wawancara adalah penting untuk memastikan kualiti komunikasi yang tinggi, kepuasan penonton dan daya saing program. Tanpa kajian ini, program seperti *Nasi Lemak Kopi O* mungkin menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan kejayaannya secara keseluruhan. Oleh itu, adalah penting bagi program-program wawancara untuk mengintegrasikan kajian analisis wacana dalam proses pengeluaran dan penambahbaikan berterusan mereka.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk:

- a. Mengenal pasti turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pameran khususnya dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*.
- b. Menganalisis kesan turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pameran khususnya dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Bagi memastikan objektif kajian ini terjawab, pengkaji telah merangka dua persoalan kajian iaitu:

- a. Apakah turutan ujaran pasangan berdampingan yang terdapat dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*?
- b. Apakah kesan turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pameran khususnya dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*?

1.5 BATASAN KAJIAN

Melalui kajian ini, pengkaji hanya menumpukkan turutan ujaran pasangan berdampingan yang menggunakan Teori Analisis Perbualan oleh Heritage. *Nasi Lemak Kopi O* adalah program bual bicara pagi santai Malaysia yang disiarkan setiap minggu dari Jumaat hingga Ahad pada pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Namun, kini NLKO telah muncul kembali semula selepas 6 tahun berehat. Rancangan ini kembali bersiaran pada 17 Januari 2024 setelah berhenti pada 4 Mac 2018, dan kini ditayangkan pada pukul 10.30 pagi setiap Rabu hingga Jumaat selama satu jam. NLKO kali ini lebih fokus untuk memartabatkan dan mempromosikan usahawan tempatan (IKS) melalui pelbagai segmen. Selain itu, NLKO juga akan membincangkan topik-topik yang hangat di kalangan masyarakat. Rancangan ini juga

pernah mencapai rating tertinggi iaitu pernah mencapai lebih setengah juta tontonan suatu ketika dahulu. Pengkaji berasa tertarik untuk menjalankan kajian terhadap rancangan NLKO ini kerana usaha menyiarkan semula selepas 6 tahun berehat dan sering membawa pengisian bermanfaat dalam format santai dan menghiburkan. Program ini telah menghasilkan beratus-ratus episod sepanjang tempoh penyiaran. Maka, bagi memudahkan kajian dijalankan, pengkaji hanya memilih 3 episod daripada program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* yang dapat ditonton di saluran *TV9 Malaysia Official* di *Youtube* sebagai bahan kajian. Pengkaji melimitasi bahan kajian dengan memilih episod yang dikategorikan sebagai segmen “aspirasi” dan memilih episod yang ditayangkan pada hari Rabu sahaja. Durasi bagi setiap episod tidak melebihi satu jam. Antara episod yang dipilih adalah “Aspirasi: Pantang Dicabar”, “Aspirasi: Laksamana Maritim Wanita Pertama” dan “Aspirasi: Mengekalkan Warisan Berzaman”.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian analisis wacana perbualan dalam program wawancara mempunyai kepentingan yang signifikan kepada penonton kerana membantu dalam memahami pelbagai aspek komunikasi, hubungan kuasa dan penyampaian maklumat. Kajian ini membantu menggali makna tersirat yang tidak jelas pada pandangan pertama. Kajian ini juga membantu mengungkap konteks sosial dan budaya yang mempengaruhi komunikasi. Sebagai contoh, seorang usahawan yang membincangkan topik kontroversial mungkin menggunakan bahasa kiasan untuk mengelakkan perdebatan langsung yang hanya dapat difahami melalui analisis mendalam. Selain itu, penonton boleh belajar mengenai kehalusan bahasa dan strategi komunikasi melalui kajian ini yang boleh meningkatkan kesedaran mereka tentang

penggunaan bahasa dalam kehidupan harian. Seiring dengan kajian ini, penonton boleh mendapatkan maklumat mengenai bentuk pola pasangan berdampingan selain tanya-jawab yang digunakan oleh pengacara dan ODW. Tambahan lagi, analisis ini juga boleh berfungsi sebagai alat pendidikan yang mengajar penonton cara-cara menganalisis dan mengkritik teks dan ucapan dengan lebih baik.

Selain itu, kajian ini penting kerana memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai interaksi antara pengacara dan ODW, cara maklumat disampaikan dan bagaimana makna dibentuk melalui bahasa. Melalui kajian ini, pengacara dapat mempelajari teknik-teknik untuk mengurus giliran bicara dan memastikan aliran perbualan lancar tanpa terlalu banyak gangguan atau bertindih. Hal ini membantu pengacara memahami peranan mereka dalam interaksi dan membantu mereka memimpin perbualan dengan tetamu. Kelancaran dalam wawancara atau perbualan yang berlangsung dapat memastikan setiap segmen mempunyai tujuan jelas dan mencapai matlamatnya dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti program wawancara.

Di samping itu, program wawancara adalah platform di mana wacana perbualan berlaku secara intensif dan dapat dianalisis untuk pelbagai tujuan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik. Oleh itu, kajian ini memainkan peranan penting bagi pengkaji bahasa kerana ia menyediakan wawasan yang mendalam mengenai penggunaan bahasa dalam konteks interaksi sosial. Dengan menganalisis wacana perbualan, pengkaji dapat mengenal pasti fungsi-fungsi tertentu yang dimainkan oleh bahasa dalam konteks sosial seperti bagaimana peserta mengelola persetujuan, penolakan, humor dan kesopanan. Kajian ini juga menyumbang kepada pembangunan teori dalam bidang linguistik dan sosiolinguistik dengan menyediakan data empirikal mengenai penggunaan bahasa dalam konteks sebenar.

Malahan, dapat menyumbang kepada pembangunan teknologi pemprosesan bahasa semulajadi (NLP) seperti pembantu peribadi digital dan sistem terjemahan automatik dengan menyediakan data tentang bagaimana manusia benar-benar berkomunikasi.

Secara keseluruhannya, analisis wacana perbualan adalah alat yang berharga dalam program wawancara kerana ia membantu bukan sahaja penyelidik malah penonton, pengacara dan pengkaji bahasa untuk memahami, menganalisis, dan menginterpretasikan data wawancara dengan lebih baik, yang pada gilirannya meningkatkan kualiti keseluruhan penyelidikan.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan definisi operasional bagi setiap istilah yang digunakan pengkaji dalam kajian ini.

1.7.1 Wacana

Asmah Haji Omar (1980) mentakrifkan wacana sebagai satuan bahasa yang melampaui batasan ayat. Oleh kerana itu, wacana dapat berupa satu ayat, beberapa ayat, ceraihan bab, buku, siri dan sebagainya. Wacana juga menunjukkan kesatuan dan hubungan antara gagasan serta perkembangan intelektual yang terkandung di dalamnya. Terdapat dua jenis wacana dalam unit bahasa iaitu wacana lisan dan wacana tulisan. Wacana lisan melibatkan komunikasi secara langsung antara penutur dan pendengar manakala wacana tulisan adalah wacana yang disampaikan secara bertulis yang melibatkan hubungan antara penulis dan pembaca. Wacana adalah struktur bahasa yang paling luas dalam hirarki gramatikal yang merangkumi

unit-unit bahasa yang lebih kecil seperti ayat, frasa, dan perkataan. Wacana terdiri daripada wacana naratif, deskriptif, ekspositori, argumentatif dan interaktif. Wacana berfungsi sebagai medium komunikasi untuk menyampaikan maklumat, idea dan perasaan antara individu atau kelompok. Jelaslah, wacana merupakan unit bahasa yang terkandung dalam perbualan yang dilakukan oleh manusia untuk menyampaikan maklumat kepada individu yang lain.

1.7.2 Perbualan

Perbualan adalah situasi komunikasi di mana dua atau lebih individu berinteraksi untuk menyampaikan informasi, mencapai persetujuan, menolak atau mengungkapkan maklumat, serta terlibat dalam sesi tanya jawab (Shamin Sharif & Mohd Khaidir, 2023). Dalam perbualan, peserta menggunakan bahasa lisan untuk berbicara, mendengar, dan merespons kepada mesej yang disampaikan oleh pihak lain. Perbualan biasanya berlaku secara spontan tanpa perancangan awal yang terperinci. Ia tidak mengikuti struktur yang ketat seperti yang terdapat dalam ucapan atau temu duga formal. Perbualan dipengaruhi oleh konteks di mana ia berlaku, termasuk tempat, masa dan hubungan antara peserta perbualan. Ini mempengaruhi gaya bahasa dan topik yang dibincangkan. Perbualan merupakan aktiviti komunikasi yang penting dalam kehidupan harian manusia, membolehkan pertukaran idea, emosi, dan informasi di antara individu. Sebagai kesimpulan, perbualan merupakan interaksi yang terjadi antara dua atau lebih individu mengenai topik yang tertentu sebagai aktiviti komunikasi yang dilakukan oleh manusia.

1.7.3 Wawancara


Wawancara adalah satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan interaksi langsung antara pengkaji dengan responden melalui sesi soal jawab. Wawancara digunakan untuk mendapatkan maklumat mendalam mengenai pandangan, pengalaman dan pemahaman individu tentang sesuatu topik. Wawancara melibatkan perbualan secara bersemuka, telefon atau platform dalam talian. Kaedah ini memberi peluang kepada pengkaji untuk menggali lebih dalam terhadap jawapan yang diberikan, mendapatkan penjelasan dan butiran tambahan. Tambahan pula, pengkaji boleh menyesuaikan soalan dan pendekatan mengikut aliran perbualan dan memberi ruang untuk penjelasan dan perincian tambahan. Antara jenis-jenis wawancara adalah wawancara berstruktur, separuh berstruktur dan tidak berstruktur. Wawancara adalah kaedah pengumpulan data yang berkesan dalam memahami fenomena sosial dari perspektif orang yang mengalaminya secara langsung. Ia membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang mendalam (Dr. Nik Yusri Musa 2019). Konklusinya, wawancara adalah salah satu kaedah pengumpulan maklumat yang diperolehi daripada sesi soal jawab yang diperolehi dari perspektif orang yang diwawancara.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual merujuk kepada struktur konsep atau model yang digunakan untuk membentuk asas atau landasan teori bagi suatu penyelidikan, kajian, atau projek. Konsep konseptual ini terdiri daripada Kerangka Konseptual dan Kerangka Teoritik.

1.8.1 Kerangka Konseptual


Kerangka konseptual ini adalah satu rangka kerja yang menggambarkan hubungan antara konsep-konsep utama yang terlibat dalam kajian. Kerangka ini juga berfungsi sebagai peta yang membimbing pengkaji dalam merancang, melaksanakan dan menganalisis kajian. Kerangka konseptual ini membantu dalam menjelaskan bagaimana konsep-konsep ini berkaitan antara satu sama lain dan bagaimana mereka akan diukur atau diperhatikan dalam kajian.



Rajah 1.8.1 Kerangka Konseptual

1.8.2 Kerangka Teoritik

Berdasarkan rajah 1.8.2, kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Analisis Perbualan oleh Heritage (1992) untuk mengenal pasti dan menganalisis turutan ujaran pasangan berdampingan dalam persembahan lisan. Urutan percakapan pasangan berdampingan merujuk kepada struktur pertukaran ujaran yang paling asas yang berlaku antara dua individu. Dalam setiap pasangan, bahagian pertama memberikan ruang atau peluang yang perlu diikuti oleh bahagian kedua. Ini bermaksud jika bahagian pertama adalah pertanyaan, bahagian kedua perlu memberikan jawapan dan jika bahagian pertama adalah undangan, bahagian kedua perlu memberikan penerimaan atau penolakan, dan seterusnya. Menurut Heritage (1992:248) dalam Azean Idruwani, Ahmad Mahmood dan Sharil Nizam (2019), turutan ujaran pasangan berdampingan hanya berkesan apabila terdapat kerjasama di antara peserta perbualan untuk memastikan kelancaran komunikasi. Oleh itu, ciri-ciri perbualan ini membawa kepada pembahasan tentang turutan perbualan pasangan berdampingan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*.



Rajah 1.8.2 Kerangka Teoritikai Susunan Turutan Interaksi Menurut Heritage (1992)

1.9 RUMUSAN

Kesimpulannya, analisis wacana perbualan memainkan peranan penting dalam memahami dan menilai interaksi verbal antara pengacara dan ODW dalam program wawancara. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesan turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pameran khususnya dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Melalui kajian ini, pengkaji mendalami pasangan berdampingan yang terkandung dalam ujaran pameran dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Pemahaman terhadap bentuk pasangan berdampingan boleh membantu pengacara dan ODW dalam memastikan aliran perbualan berjalan dengan lancar. Bukan itu sahaja, kepelbagaian

bentuk perbualan akan merancakkan lagi perbualan dan menarik perhatian pendengar untuk mendengar topik perbualan yang dibincangkan.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Sorotan literatur adalah ringkasan, penilaian dan pemahaman yang komprehensif terhadap literatur yang relevan dengan topik atau subjek tertentu. Ini melibatkan mengumpulkan dan meninjau sumber-sumber terkait yang telah ditulis sebelumnya oleh pengkaji lain dalam bidang tersebut. Fink (1998) menyatakan sorotan literatur adalah satu penelitian yang sistematis untuk mengenali, menilai dan menafsir hasil-hasil penulisan oleh penyelidik, cerdik pandai serta pengamal bidang berkaitan dengan permasalahan yang akan dikaji. Tujuan daripada sorotan literatur adalah untuk menyajikan pemahaman yang lengkap tentang status pengetahuan saat ini tentang topik tertentu. Tambahan lagi, ia menunjukkan pengkaji mengenal pasti lompang dalam kajian lepas dan kajian yang dicadangkan akan cuba menemuinya. Oleh itu, dalam bab ini, pengkaji akan merangkumi ringkasan daripada kajian-kajian terdahulu yang berkait dengan topik yang dijalankan oleh pengkaji. Bab ini membicarakan kajian lepas yang berkaitan dengan kajian pengkaji iaitu mengenai analisis wacana perbualan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* khususnya mengenai turutan ujaran pasangan berdampingan yang merupakan matlamat bagi kajian ini. Pengkaji telah memecahkan kepada tiga tema bagi memudahkan pencarian dan pemahaman dalam melaksanakan kajian. Antara tema yang dinyatakan adalah turutan ujaran pasangan berdampingan, turutan perbualan dan pengambilan giliran.

2.2 KAJIAN MENGENAI TURUTAN UJARAN PASANGAN BERDAMPINGAN

Nadifa (2018) dalam kajian yang bertajuk Pasangan Berdampingan dan Strategi Kesantunan dalam Percakapan Sehari-hari: Penelitian di FKIP Universitas, pasangan berdampingan yang terjadi FKIP Mataram University. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti penggunaan pasangan berdampingan dan strategi kesantunan di antara mahasiswa-mahasiswa dan mahasiswa-dosen serta mendiskusikan faktor yang mungkin mempengaruhi kegagalan pasangan berdampingan. Kaedah kualitatif deskriptif iaitu merakam dan mencatat percakapan mahasiswa yang menggunakan Bahasa Indonesia di sekitar FKIP Universitas Mataram digunakan untuk mengumpulkan data. Responden yang digunakan adalah pelajar dan pensyarah di FKIP Universiti Mataram. Hasil kajian menunjukkan terdapat 21 perbualan yang ada di antara pelajar-pelajar dan pelajar pensyarah. Pasangan berdampingan yang kerap digunakan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Mataram adalah tanya jawab, meminta, menerima, memberi salam-memberi salam kembali dan informasi tanggapan. Faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan dalam menerapkan pasangan ujaran berdampingan adalah situasi, status sosial, peranan serta jantina. Melalui kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa faktor-faktor seperti situasi, status sosial dan jantina boleh menyebabkan kegagalan dalam menerapkan pasangan ujaran berdampingan dalam perbualan di antara pelajar dan pensyarah di Universiti Mataram. Bagi kajian ini, pengkaji bukan saja meneliti pasangan berdampingan malah faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan dalam menerapkan pasangan ujaran berdampingan dalam perbualan.

Seterusnya, Azean Idruwani Idrus, Ahmad Mahmood Musanif dan Sharil Nizam (2019) melalui kajian bertajuk Turutan Ujaran Pasangan Berdampingan dalam Program

Pengacaraan Wanita Hari Ini telah menumpukan kajian terhadap skrip pengacaraan iaitu tujuh topik daripada segmen *Asam Garam Rumah Tangga*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis turutan ujaran pasangan berdampingan antara pameran dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Kajian ini telah menggunakan kaedah analisis kandungan teks dengan menggunakan teori analisis perbualan oleh Heritage (1992) sebagai panduan. Hasil daripada kajian ini menunjukkan terdapat 15 pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang telah diadaptasikan dalam program pengacaraan *Wanita Hari ini*. Oleh itu, program pengacaraan tersebut mencapai tujuan sebenar sebuah program pengacaraan kerana mempunyai kepelbagaian dalam bentuk tanya-jawab struktur isi program pengacaraan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa turutan ujaran pasangan berdampingan dalam perbualan tidak hanya memberikan variasi dalam program penyiaran malah boleh juga mengubah corak penyampaian informasi. Melalui kajian lepas ini, pengkaji mendapati bahawa untuk memastikan sebuah program pengacaraan itu mencapai tujuan yang sebenar adalah apabila pengacara dan ODW menggunakan kepelbagaian dalam bentuk tanya-jawab yang membentuk variasi perbualan yang menarik. Kajian lepas ini mirip dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Namun, kajian lepas ini hanya berfokus kepada analisis pasangan berdampingan sahaja, manakala pengkaji turut berfokus kepada kesan penggunaan turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pameran.

2.3 KAJIAN LEPAS MENGENAI PENGAMBILAN GILIRAN

Azean Idruwani dan Ahmad Mahmood (2021) menjalankan kajian Turutan Perbualan dalam Rancangan Bual Bicara bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan turutan

perbualan dalam segmen Asam Garam Rumah Tangga dalam rancangan bual bicara *Wanita Hari Ini*. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks dengan mengaplikasikan Model Struktur Interaksi. Kajian ini memperlihatkan turutan perbualan terdiri daripada pembuka perbualan, pengenalan pameran, pernyataan tujuan, tanya jawab dan penutup perbualan yang memberi impak kepada kelancaran ujaran sekali gus menimbulkan keberkesanan dalam menyampaikan tujuan sebenar sesuatu rancangan bual bicara. Oleh itu, rancangan Wanita Hari ini memperlihatkan turutan perbualan yang jelas kerana mematuhi turutan dalam perbualan iaitu yang bermula dengan pembuka, pengenalan pameran, pernyataan tujuan, tanya jawab dan diakhiri dengan penutup perbualan. Dengan memahami turutan perbualan dalam program bual bicara, penelitian ini membantu memahami bagaimana perbualan dibangunkan dari awal hingga akhir. Ini termasuk pengenalan topik, pertukaran idea dan penutup perbualan. Kajian ini mirip dengan kajian yang dijalankan pengkaji, namun pengkaji menggunakan Teori Heritage (1992) sahaja untuk menganalisis data.

Selain itu, Azean Idruwani, Sharil Nizam dan Rohaidah Mashudi (2021), berdasarkan kajian Struktur Perbualan dalam Rancangan Bual Bicara menunjukkan rancangan bual bicara Wanita Hari ini menggunakan struktur perbualan yang terdiri daripada pembuka turutan, pasangan berdampingan, sisipan turutan, pra turutan, kecenderungan turutan iaitu kecenderungan turutan yang disenangi serta ketidak kecenderungan turutan yang tidak disenangi dan pasangan berdampingan. Kajian ini berobjektifkan untuk mengenal pasti dan membincangkan struktur perbualan yang terdapat dalam rancangan bual bicara Wanita Hari Ini. Data dikumpul dengan memilih ujaran yang terdapat dalam segmen Asam Garam Rumah Tangga lalu data dianalisis dengan

menggunakan kaedah analisis kandungan teks dengan mengaplikasikan Teori Analisis Perbualan (Heritage, 1992). Pengaplikasian struktur perbualan berjaya mewujudkan keberkesanan dan keteraturan dalam perbualan yang sewajarnya dicapai oleh sesebuah rancangan bual bicara. Melalui kajian ini, pengkaji memahami bahawa matlamat sesebuah rancangan bual bicara akan berjaya dicapai jika struktur perbualan berjaya membawa aliran perbualan berjalan dengan lancar sepanjang program berlangsung. Kajian ini mirip dengan kajian pengkaji kerana menggunakan Teori Analisis Perbualan Heritage (1992) tetapi mempunyai objektif kajian yang berbeza kerana kajian ini bertumpukan kepada struktur perbualan manakala pengkaji mengenal pasti turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pameran.

Shamim Sharif dan Mohd Khaidir (2023) dalam kajian yang bertajuk Analisis Struktur Interaksi Wacana Sidang Media Kementerian Kesihatan Malaysia Berdasarkan Teori Analisis Perbualan Liddicoat dan Model Struktur Interaksi Asmah, ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur interaksi dan membincangkan susunan struktur interaksi yang terdapat dalam sidang media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan meneliti rakaman sidang media COVID-19 pada 8 Mei 2021 yang ditranskripsikan kepada bentuk tulisan dengan mengaplikasikan simbol transkripsi oleh Jefferson (2004). Tambahan lagi, pengkaji juga menggunakan Teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010) untuk menganalisis ujaran yang sudah di transkripsi. Hasil kajian menunjukkan terdapat sembilan elemen struktur interaksi dalam sesi media ini, yang meliputi pembukaan sesi, pengenalan peserta, pernyataan tujuan, dialog tanya jawab, pengambilan giliran, pertindihan, pasangan ujaran berdampingan, pembetulan, dan penutup perbualan. Oleh itu, melalui kajian ini,

sidang media yang di Malaysia patuh terhadap struktur interaksi yang membantu dalam kelancaran sesi tanya jawab. Melalui kajian ini, pengkaji memahami struktur interaksi ini bukan sahaja hanya boleh dijalankan dalam program wawancara atau bual bicara sahaja malah boleh juga dijalankan dalam Sidang Media Kementerian Kesihatan Malaysia. Hal ini menyebabkan pengkaji melihat kepelbagaian bahan kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian mengenai analisis wacana ini. Pengkaji mendapati kajian lepas ini mirip dengan kajian pengkaji kerana menggunakan simbol transkripsi oleh Jefferson (2011). Namun, analisis data yang digunakan dalam kajian lepas ini adalah Teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) manakala pengkaji menggunakan Teori Analisis Perbualan Heritage (1992).

2.4 KAJIAN MENGENAI PENGAMBILAN GILIRAN

Nur Amirah (2020) telah mengkaji ambilan giliran bertutur dalam bual bicara radio IKIMFM. Sebagian besar segmen di IKIMfm berupa program bual bicara interaktif yang melibatkan pertanyaan dan jawapan dalam perbualan. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti ambilan giliran bertutur dalam bual bicara radio IKIMfm. Pengkaji menggunakan data perbualan yang dipilih menerusi radio. Pengkaji membataskan plot Kejaiban Berlapar menerusi Usrah Nurani segmen Destinasi dengan mengaplikasikan Teori Pengambilan Giliran yang dipelopori oleh Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) dan dikemukakan semula oleh Liddicoat (2011). Terdapat tiga aturan ambilan giliran yang telah digariskan oleh Liddicoat (2011) iaitu penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya dan penutur semasa meneruskan perbualan. Hasil dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga peraturan pengambil giliran

berlaku dalam kalangan peserta bual bicara radio IKIMFM ini. Oleh itu, bual bicara yang berlangsung dalam keadaan teratur dan terkawal. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati ambilan giliran beratur juga antara konsep yang perlu dititikberatkan bagi memastikan perbualan khususnya dalam program bual bicara itu berlangsung dalam keadaan teratur. Kajian ini masih berkaitan dengan kajian pengkaji kerana turutan pasangan berdampingan digunakan setelah ambilan giliran berlaku antara pengacara dan ODW.

Justeru, Shamin, Mohd Khaidir dan Rozaida (2021) menerusi kajian Pengambilan Giliran dalam Sidang media Covid-19 Kementerian Kesihatan Malaysia, bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan pengambilan giliran dalam sidang media COVID-19 dengan memfokuskan kepada dua sidang media COVID-19 iaitu pada 17 April 2020 dan 24 Oktober 2020. Terdapat dua sesi namun fokus kajian adalah lebih kepada sesi kedua iaitu di mana berlakunya proses soal jawab antara pameran dengan pihak kerajaan dan pihak wartawan. Kajian ini menggunakan bentuk kualitatif iaitu dengan mentranskripsi ujaran ke bentuk tulisan dan seterusnya menganalisis kandungan teks bagi mendapatkan data. Hasil kajian menunjukkan semua tiga aturan pengambilan giliran, iaitu penutur saat memilih penutur berikutnya, memilih diri sendiri sebagai penutur berikutnya dan penutur saat melanjutkan percakapan, diikuti oleh peserta. Dari ketiga aturan tersebut, aturan di mana penutur saat memilih penutur berikutnya mendominasi aturan lainnya. Selain itu, penggunaan bahasa dalam konteks kesantunan berbahasa juga ditekankan oleh peserta melalui pengambilan giliran dalam sesi media ini. Kesimpulan yang dapat disimpulkan melalui kajian ini adalah, pengambilan giliran dalam sidang media lebih penting diadaptasikan kerana melibatkan lebih ramai individu iaitu pameran, pihak kerajaan dan pihak wartawan semasa sidang media ini berlangsung. Hal ini bagi memastikan tiada

pertindihan berlaku semasa sesuatu isu dibincangkan dan maklumat yang diingini berjaya disampaikan dan diterima.

2.5 RUMUSAN

Kesimpulannya, sorotan literatur ini menunjukkan kepentingan memahami dan meninjau literatur yang relevan dalam suatu bidang. Melalui penelitian kajian lepas, pengkaji dapat merangka objektif, metodologi dan hasil kajian tanpa perlu membaca keseluruhan kertas kajian. Hasil dapatan daripada kajian lepas membantu pengkaji menilai topik kajian dipilih sama ada relevan atau tidak untuk dijalankan. Dengan memperhatikan temuan, tren, dan kesenjangan pengetahuan dari literatur yang telah ada, penyelidik dapat memperoleh pemahaman yang mendalam tentang topik yang diteliti. Sorotan literatur mengenai analisis wacana perbualan dalam program wawancara menekankan pentingnya kajian ini dalam memahami interaksi verbal dalam media. Sorotan literatur tidak hanya memperkuat dasar penyelidikan, tetapi juga membantu dalam menyusun landasan teoritis yang kukuh. Dengan demikian, sorotan literatur memainkan peranan penting dalam memandu arah penyelidikan dan menyumbangkan wawasan yang berharga bagi perkembangan pengetahuan. Penelitian lanjutan dalam bidang ini adalah penting untuk terus memperbaiki dan memahami peranan media dalam membentuk pemahaman dan persepsi masyarakat.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan pengumpulan maklumat serta data terbaru berkaitan tinjauan yang dilakukan. Bab ini merujuk kepada metodologi kajian yang membincangkan aliran, kaedah serta prosedur yang diguna oleh pengkaji dalam kajian ini bagi memperoleh dapatan kajian yang sah serta mempunyai kebolehpercayaan. Kaedah kajian merujuk kepada penyelidikan yang melibatkan bentuk kajian, kaedah pengumpulan dan penganalisan data yang dicadangkan oleh pengkaji untuk kajiannya (Creswell dan Creswell, 2018:53). Metodologi yang baik membantu dalam merangka kajian dengan cara yang sistematik dan terperinci. Ini membantu dalam ketepatan dan kejelasan dalam bagaimana kajian dijalankan dan bagaimana data dikumpulkan dan dianalisis. Tambahan lagi, metodologi yang mantap juga memastikan hasil kajian adalah sahih dan boleh dipercayai. Menurut Alan Bryman (2012), metodologi kajian adalah kritikal untuk memastikan penyelidikan asas yang kuat dan dapat menghasilkan dapatan yang sahih. Oleh itu, aspek yang dibincangkan dalam bab ini meliputi reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data bagi menjelaskan kaedah kajian yang dijalankan dalam memastikan data yang dikumpul dan dianalisis adalah sahih.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah kerangka kerja atau pelan yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian dengan cara yang sistematik. Reka bentuk kajian merupakan elemen

penting dalam penyelidikan yang menentukan struktur dan pendekatan kajian. Reka bentuk yang baik menjamin bahawa kajian dilaksanakan secara sistematik dan boleh dipercayai dengan mengurangkan bias serta meningkatkan kesahihan hasil (Ahmad Mahdzan, 2020). Reka bentuk kajian adalah penting kerana berfungsi sebagai pelan atau strategi yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan, menganalisis dan mentafsir data. Selain itu, reka bentuk kajian juga bertanggungjawab dalam memastikan objektif kajian dapat dicapai. Menurut Rozhan (2023), reka bentuk kajian bukan sahaja tentang memilih kaedah, malah untuk memastikan semua aspek kajian adalah selaras dengan tujuan kajian. Reka bentuk yang mantap membantu menangani masalah penyelidikan dengan lebih efektif.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif. Kualitatif deskriptif merujuk kepada jenis kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpulkan, menganalisis dan menginterpretasikan data dengan memberikan deskripsi tentang kajian yang dijalankan. Pendekatan kualitatif sering kali menumpukan kepada konteks, proses dan makna berbeza dengan pendekatan kuantitatif yang menumpukan pada pengukuran dan hubungan statistik antara pembolehubah. Pendekatan kualitatif berusaha memahami masalah kajian dalam konteks keseluruhan fenomena. Ini bermakna pengkaji melihat keseluruhan gambar atau makna yang lebih besar daripada hanya mengkaji aspek-aspek tertentu secara terpisah. Dalam kajian ini, maklumat yang diperoleh secara langsung dari sumber seperti pemerhatian langsung dalam talian digunakan dan pendekatan penyelidikan yang digunakan adalah kualitatif. Ini bermaksud kajian ini lebih fokus pada pemahaman mendalam tentang masalah yang dikaji berbanding dengan hanya mengumpulkan data berdasarkan pengukuran kuantitatif. Pendekatan ini membolehkan pengkaji melihat masalah dalam konteks keseluruhan dan maklumat penting diperoleh

melalui pemerhatian langsung dalam talian yang dijalankan.

Hal ini sebagaimana fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pameran khususnya dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* dan menganalisis kesan turutan ujaran pasangan berdampingan dalam ujaran pameran khususnya dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* dengan menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data dan analisis data. Justeru, kajian ini mempunyai ciri-ciri kajian kualitatif yang berfokuskan matlamat untuk mencari dan mewujudkan makna daripada kaedah pengumpulan data yang dijalankan. Selain itu, kajian ini dikaji dari segi konteks peserta kajian berbanding bilangan mahupun kualiti. Tambahan pula, pengkaji perlu membuat interpretasi terhadap data kajian yang diperoleh dan membawa nilai tersendiri dalam bidang analisis wacana perbualan ini.

Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini memerlukan pemahaman dan penafsiran yang mendalam serta teliti. Dengan menggunakan reka bentuk ini, pengkaji lebih cenderung untuk menganalisis teks secara mendalam dengan meneliti teks secara terperinci untuk mengungkapkan lapisan makna yang mungkin tersembunyi. Oleh itu, seiring dengan kajian mengenai analisis wacana, pengkaji perlu menganalisis pola turutan ujaran pasangan berdampingan dengan meneliti data yang dikumpul melalui kaedah transkripsi audio kepada teks dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Reka bentuk kajian kualitatif adalah elemen penting untuk melengkapkan kajian ini. Melalui reka bentuk yang mantap, kajian kualitatif memainkan peranan penting dalam memastikan dapatan kajian adalah sahih dan bermakna.

3.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data melibatkan proses di mana dan bagaimana data hendak

dikumpul dengan cara merekod mengumpul, memilih, mengasing data dan memahami bila ia akan digunakan. Ia bertujuan untuk mengumpulkan data yang relevan dan kaya untuk memahami fenomena yang dikaji manakala kaedah penganalisan data pula bertujuan untuk menyusun dan menilai data yang dikumpulkan untuk mengenal pasti corak, tema dan makna. Antara kaedah pengumpulan data adalah pemerhatian secara langsung dalam talian, temu bual mendalam dan kajian kepustakaan dan lain-lain lagi.. Namun, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan, pemerhatian secara langsung dalam talian dan transkripsi audio kepada teks sebagai kaedah pengumpulan data.

3.2.1 Kaedah kepustakaan

Kaedah kepustakaan merujuk kepada proses pencarian maklumat atau bahan yang berkenaan dengan kajian yang dijalankan. Kaedah ini umumnya digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data dan bukti kajian. Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan sebanyak mungkin informasi yang relevan dengan topik kajian. Pengkaji mengumpulkan data dengan cara mengumpulkan bahan ensiklopedia, kajian lepas, jurnal, artikel, kamus dan sorotan literatur mengenai analisis wacana perbualan. Bagi mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian ini, pengkaji telah merujuk beberapa penulisan yang berkisar dengan kajian yang lebih kurang sama dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Semua maklumat diperolehi akan digunakan pengkaji untuk menulis kajian. Rujukan utama ini adalah penting bagi memastikan bahawa penulisan pengkaji tidak tersasar dari landasan yang benar. Selain itu, pengkaji juga melakukan pencarian di Internet. Antara bahan yang ditemukan melalui pencarian ini termasuk jurnal-jurnal

antarabangsa dan tempatan. Pengkaji menggunakan *website Google Scholar* sebagai platform utama untuk merujuk artikel-artikel pengkaji terdahulu berkaitan dengan kajian yang dilakukan dan pengkaji juga merujuk pelbagai sumber lain yang terdapat di platform *Google*. Namun pengkaji hanya memilih maklumat yang berkaitan dengan kajian analisis wacana perbualan sahaja untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan ini untuk mendalami tajuk kajian dan membantu pengkaji dalam penghasilan penulisan ilmiah yang lebih baik.

3.2.2 Pemerhatian langsung dalam talian

Pemerhatian langsung dalam talian merujuk kepada proses di mana pengkaji memerhatikan dan mencatat interaksi secara langsung melalui platform dalam talian. Ini merupakan satu kaedah pengumpulan data kualitatif yang digunakan untuk memahami bagaimana individu berinteraksi dan berkelakuan dalam konteks digital. Melalui kajian ini, pengkaji melakukan pemerhatian melalui platform dalam talian iaitu di *Youtube* untuk memerhati dan mendengar perbualan antara Pengacara dan ODW bagi mendapatkan data. Pengkaji menonton episod-episod yang dipilih sebanyak tiga kali untuk mendengar dan mencatat audio kepada bentuk teks yang mempunyai maklumat yang diperlukan oleh pengkaji bagi mengumpulkan data berkaitan dengan penggunaan pola pasangan berdampingan yang terdapat dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Data dikumpul setelah ditranskrip dari bentuk audio kepada bentuk teks. Kaedah pemerhatian langsung dalam talian ini memudahkan pengkaji kerana dapat mengakses data dari saluran *TV9 MALAYSIA*

Official di *Youtube* yang memuat naik video-video program *Nasi Lemak Kopi O* selepas siaran langsung ditayangkan. Secara keseluruhannya, pemerhatian langsung dalam talian dalam kajian kualitatif memudahkan pengkaji mengakses data dan memahami interaksi yang berlaku.

3.2.3 Transkripsi audio kepada teks

Menyoroti kajian mengenai analisis wacana perbualan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*, pengkaji menggunakan kaedah transkripsi audio kepada bentuk bertulis melalui pemerhatian secara langsung yang dijalankan dalam talian. Pengkaji mentranskripsi audio yang didengari kepada bentuk teks. Pengkaji memilih 3 episod dari program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* dan mentranskripsikan audio perbualan tersebut kepada bentuk tulisan. Kaedah transkripsi digunakan bagi menjimatkan masa dan memudahkan pengkaji untuk merujuk pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang diujarkan oleh pameran. Transkripsi dibuat berdasarkan simbol transkripsi yang telah dikembangkan oleh Jefferson (1985, 2004) kerana sistem ini memudahkan data perbualan dianalisis secara terperinci.

Simbol/ Singkatan	Maksud
↓	Nada naik
↑	Nada turun

[	Pertindihan; mula
]	Pertindihan;tutup
[]	Pertindihan berlaku pada masa sama sekiranya pada tempat yang sama
()	Ujaran yang tidak jelas
(())	Aktiviti bukan lisan (bunyi dan sebagainya)
(.)	Saat berhenti/mikro jeda
(8.0)	Tidak bersuara; senyap
(tekaan)	Tekaian untuk ujaran yang tidak jelas
=	Pasangan bersebelahan
_____	Penekanan
><	Rentak ujaran bertambah cepat
< >	Rentak ujaran semakin menurun

Jadual 1: Simbol transkripsi dan singkatan kata

Jadual 1 merujuk kepada simbol transkripsi perbualan Jefferson (2004) yang digunakan oleh pengkaji dalam penghasilan data. Pengkaji menggunakan simbol ini untuk menghasilkan transkripsi bagi menganalisis data. Walau bagaimanapun, tidak semua

simbol transkripsi ini digunakan dalam transkripsi yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji hanya menggunakan simbol transkripsi yang relevan untuk merekodkan perbualan semasa program wawancara berlangsung. Data kajian yang diperoleh dalam bentuk bertulis akan dihuraikan dengan menggunakan Teori Analisis Perbualan oleh Heritage (1992) untuk mengenal pasti turutan ujaran pasangan berdampingan yang berlaku sepanjang program wawancara berlangsung.

3.3 KAEDAH PENGANALISISAN DATA

Kaedah penganalisan data merujuk kepada teknik yang digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh melalui proses pengumpulan data. Ini termasuk proses memahami, menginterpretasi dan menyusun data untuk mendapatkan maklumat yang bermakna. Kaedah ini penting dalam membantu pengkaji menyusun dan menilai data yang dikumpulkan dan membuat kesimpulan atau penemuan berdasarkan data yang telah dikumpul. Kaedah ini berlaku selepas data dikumpulkan dan sering berterusan sehingga peringkat akhir kajian. Pengkaji menggunakan analisis kandungan teks (content analysis) untuk menganalisis data yang didapati melalui kaedah pemerhatian langsung dan transkripsi audio kepada teks.

3.3.1 Kaedah Analisis kandungan

Analisis kandungan teks merujuk kepada proses penyelidikan dan pemerhatian terhadap elemen-elemen yang terdapat dalam teks. Ia melibatkan pembelahan teks kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil untuk dianalisis dengan teliti. Objektif utama analisis kandungan teks adalah untuk mengenal pasti pola, tema, maklumat

penting, dan juga menganalisis makna tersembunyi atau implisit yang terdapat dalam teks. Analisis kandungan teks memberikan cara yang sistematik untuk menganalisis teks dan mengenal pasti tema utama yang muncul dari data (Braun dan Clarke, 2019). Kajian ini memanfaatkan kaedah analisis kandungan atau *content analysis* untuk menafsirkan data yang dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian langsung dan transkripsi audio kepada teks.. Pengkaji memilih 3 episod dan membuat penelitian audio yang didengari lalu mengesan dan menyenaraikan maklumat atau data berkaitan dengan pola pasangan berdampingan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Tontonan berulang kali secara teliti membantu pengkaji untuk tidak terlepas pandang maklumat penting. Seterusnya, pengkaji melakukan pengkelasan data mengikut 8 pola pasangan berdampingan yang ditemui dalam episod-episod yang dipilih. Data yang telah disusun mengikut kategori dimasukkan dalam bentuk jadual. Ini memudahkan pengkaji memahami dan menganalisis data yang disenaraikan. Akhir sekali, pengkaji menghuraikan data bersandarkan teori Heritage (1992) dengan lebih teliti dan terperinci untuk mendapatkan dapatan yang sah dan sahih. Oleh itu, kaedah analisis kandungan teks ini mampu menyajikan interpretasi yang objektif dan teratur terhadap isi kandungan yang tersurat dalam berbagai bentuk komunikasi, seperti teks yang telah disiarkan, dicetak atau diilustrasikan (Norizah Aripin, Hasrina Mustafa, dan Adnan Hussein, 2011: 70) dalam Azean Idruwani dan Ahmad Mahmood (2021).

3.4 RUMUSAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif untuk mengenal pasti turutan pola pasangan berdampingan dalam ujaran pameran khususnya dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Dengan menggunakan reka bentuk kualitatif ini, pengkaji berharap objektif kajian dapat dicapai. Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data untuk memperoleh informasi yang diperlukan untuk bagi menjawab persoalan kajian iaitu melalui kaedah kepustakaan, pemerhatian langsung dalam talian dan transkripsi audio kepada teks. Analisis data pula melibatkan transkripsi audio yang didengari kepada bentuk tulisan untuk menganalisis pola pasangan berdampingan yang wujud dalam pemerhatian yang dilakukan dalam episod-episod yang dipilih. Metodologi kajian ini adalah diharap dapat mencapai objektif serta matlamat kajian yang disasarkan.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini membentangkan hasil analisis data yang diperoleh daripada transkripsi audio pada teks dalam rancangan wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Dalam bab ini, dapatan kajian akan diperincikan dan dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif yang bersesuaian dengan metodologi yang telah dipilih. Analisis data adalah langkah penting dalam proses penyelidikan kerana ia membantu penyelidik untuk memahami dan mentafsir maklumat yang diperoleh daripada data mentah. Bahagian ini akan menerangkan secara mendalam berkaitan dengan tujuan dan fokus yang telah ditetapkan dan selari dengan objektif kajian. Dalam bahagian ini juga, pengkaji akan menyenaraikan turutan pasangan berdampingan yang berjaya di kenal pasti setelah pemerhatian secara langsung dan transkripsi audio kepada teks dilakukan terhadap episod yang dipilih oleh pengkaji untuk mendapatkan data. Hasil dapatan menunjukkan terdapat 8 pola pasangan berdampingan yang ditemui dan data-data ini dianalisis menggunakan Teori Analisis Perbualan oleh Heritage (1992).

4.1 DAPATAN KAJIAN

Data telah dianalisis dalam bentuk deskriptif dan hasil dapatan kajian mendapati terdapat 8 pola turutan pasangan berdampingan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* seperti yang terdapat dalam Jadual 2 di bawah;

Pola Pasangan Berdampingan	Segmen
Pasangan berdampingan tegur-sapa	Aspirasi: Pantang Dicabar
Pasangan berdampingan tanya-jawab	Aspirasi: Pantang Dicabar
Pasangan berdampingan pertanyaan-sindiran	Aspirasi: Pantang Dicabar
Pasangan berdampingan keluhan-penjelasan	Aspirasi: Mengekalkan Warisan Berzaman
Pasangan berdampingan sindiran-sindiran	Aspirasi: Laksamana Maritim Wanita Pertama
Pasangan berdampingan penawaran-penerimaan	Aspirasi: Mengekalkan Warisan Berzaman
Pasangan berdampingan perintah-pemberian maklumat	Aspirasi: Pantang Dicabar
Pasangan berdampingan pemberian penghargaan-pemberian penghargaan	Aspirasi: Laksamana Maritim Wanita Pertama

Jadual 2: Pola turutan ujaran pasangan berdampingan dalam program wawancara *Nasi*

Lemak Kopi O

4.2 ANALISIS DATA

Berikut adalah analisis yang merangkumi 8 pola turutan pasangan berdampingan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*:

a. Pasangan berdampingan tegur-sapa

Pasangan berdampingan tegur sapa merujuk kepada interaksi verbal antara dua individu yang melibatkan saling menyapa atau memberi salam. Pasangan ini merupakan asas dalam komunikasi sosial yang membantu dalam memulakan interaksi dan mengekalkan aliran perbualan. Dalam budaya masyarakat Melayu, terdapat pelbagai cara untuk bertegur sapa, seperti mengucapkan "Assalamualaikum," "Apa khabar," "Selamat pagi," dan lain-lain seperti yang terdapat dalam dialog (1) yang berikut:

Dialog (1)

P(i): Dah alang-alang kita kat sini, dah ada dah pun

Datuk Wira Dr Azizan Osman. **Assalamualaikum.**

P(ii): **Apa khabar?** Datuk Wira..

P(i): **Apa khabar?** Datuk..

ODW: **Walaikumsalam, baik-baik.**

Alhamdulillah.

(Aspirasi: Pantang Dicabar, 17 Januari 2024)

Dalam dialog (1) P(i) di atas, pasangan berdampingan tegur sapa dimulakan dengan ungkapan sapaan "Assalamualaikum" dan dituruti dengan sapaan

“*Apa khabar?*” yang diucapkan oleh P(i) dan P(ii) kepada ODW. Penggunaan ucapan salam ini bertujuan untuk meminta izin bagi memulakan perbualan. Ujaran sapaan ini diikuti dengan ujaran “*Waalaikumsalam, baik-baik*” bagi menjawab sapaan yang diberi. Ucapan salam ini merupakan tuntutan penting dalam agama Islam dan juga dianggap sebagai satu peraturan dalam budaya masyarakat Melayu. Ungkapan ini dianggap sebagai ungkapan yang sopan dan beradab. Hal ini kerana, Assalamualaikum ini membawa maksud “selamat sejahtera kepada kamu semua” maka P telah mendoakan individu berkenaan agar berada dalam keadaan sejahtera. Ungkapan “*apa khabar?*” pula menunjukkan bahawa P menunjukkan keprihatinan terhadap kesejahteraan ODW. Ini juga mempamerkan hubungan sosial antara individu dan berfungsi sebagai tanda penghormatan kepada mereka yang memberi hormat (Azean Idruwani, Ahmad Mahmood & Sharil Nizam, 2019). Oleh yang demikian, permulaan perbualan dengan tegur sapa membantu perbualan berjalan dengan keadaan lancar dan baik serta menunjukkan pameran iaitu P dan ODW sudah bersedia untuk memulakan dan meneruskan perbualan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*.

Tambahan lagi, tegur sapa bukan sahaja berfungsi sebagai pembuka bicara, tetapi juga sebagai cara untuk menunjukkan rasa hormat, menjalin hubungan baik, dan memperkuat ikatan sosial. Penggunaan pasangan berdampingan tegur-sapa dalam wawancara boleh memberikan kesan yang positif terutama dalam mencairkan suasana dan mencipta hubungan yang

lebih mesra antara pengacara dan ODW. Menurut Hashimah Jalaluddin (2019), penggunaan tegur-sapa yang mesra dalam wawancara dapat meningkatkan keakraban dan keselesaan antara P dan ODW, seterusnya membantu dalam memperoleh maklumat dengan lebih berkesan. Cara ini dapat membantu membangun hubungan saling percaya antara satu sama lain, memudahkan aliran komunikasi dan mengurangkan rasa canggung dalam sesi wawancara kerana ODW cenderung lebih terbuka untuk memberi maklumat yang berkualiti. Tegur-sapa yang sopan dan mesra dapat membina hubungan saling percaya yang lebih baik antara pengacara dan ODW dan mendapatkan data yang berkualiti tinggi (John Smith, 2019). Jelaslah, Amalan-amalan ini bukan sahaja membantu memulai percakapan tetapi juga memperkukuh hubungan sosial dan mencerminkan nilai-nilai kesantunan yang dijunjung tinggi dalam budaya Melayu.

b. Pasangan berdampingan tanya-jawab

Pasangan berdampingan tanya-jawab merujuk kepada interaksi di mana satu pihak mengajukan pertanyaan dan pihak lain merespons dengan memberikan jawapan. Ini merupakan bentuk dasar dari komunikasi yang sering digunakan dalam berbagai konteks untuk memperoleh informasi atau klarifikasi sesuatu topik. Dalam program wawancara, strukturnya jelas, di mana P mengajukan pertanyaan terlebih dahulu, kemudian diikuti oleh jawapan atau penjelasan dari ODW dan pola ini berlanjut hingga program berakhir.

Dialog (2)

P(ii): Tapi saya rasa macam *deja vu* lah(.) (Datuk)
rasa benda yang sama tak? Dulu kita ingat 10 tahun
lepas.. Lapan tahun lepaskan hampir setiap minggu
sama-sama di Nasi Lemak Kopi O dan harini Datuk
Wira Dr. Azizan Osman kembali bersama kita dalam
Nasi Lemak Kopi O.

ODW: Dan tahniah eh ↓ Nasi Lemak Kopi O
comeback yes, comeback.. yes

P(ii): Ya episod pertama harini. *Surprisingly. After
so many years..* Ok **apa kenangan di Nasi Lemak
Kopi O kalau Dr Wira masih ingat lagi?**

ODW: **Kenangan (.) Kenangan paling... Fizo lah
salah satunya >ketawa< mestilahkan..** Aaa saya
rasa benda yang paling best adalah hmm... The
topik.. *content* dia. Dia punya kandungan adalah..
sangat santai, tentang *people* tentang manusia..
Tentang apa ni.... perasaan.... Apa ni *loving* apa
ni sayang *each other.. Care for each other. I think*
itu benda yang paling saya ingat lah. *Lifestyle,*
kehidupan.

(Aspirasi: Pantang Dicabar, 17 Januari 2024)

Tanya jawab dalam dialog (2) P(ii) di atas, menggunakan bentuk pertanyaan terbuka. Pertanyaan terbuka adalah pertanyaan yang dapat memiliki jawapan selain daripada jawapan yang bernilai benar (Ahmad Mahmood Musanif, 2006: 30). Apa, siapa, bila, bagaimana dan sebagainya merupakan ujaran yang tergolong dalam pertanyaan terbuka. Pertanyaan terbuka sering digunakan dalam program pengacaraan kerana setiap jawapan memerlukan respons yang lebih mendalam dari narasumber (Azean Idruwani, Ahmad Mahmood & Sharil Nizam, 2019). Pertanyaan adalah satu bentuk interaksi sosial yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan mengatur giliran dalam perbualan dengan menggunakan struktur pertanyaan secara sintaksis (Heritage, 2002:1427). Kata tanya “apa” dalam dialog P(ii) ini adalah pertanyaan yang diajukan oleh P kepada ODW mengenai kenangan yang masih diingat oleh ODW tentang program *Nasi Lemak Kopi O*. Berdasarkan struktur ayat tanya ini, jelas sekali bahawa jawapan yang dimahukan oleh P bukan hanya setakat “ya” atau “tidak” tetapi huraian mengenai kenangan yang diingat oleh ODW diingini oleh pengacara. Di samping itu, P juga bertindak mencungkil maklumat daripada ODW untuk didedahkan kepada khalayak.

Pada masa yang sama, pengambilan giliran oleh ODW, menjawab pertanyaan yang diujarkan oleh P. ODW berkongsi mengenai “Kenangan (.) *Kenangan paling... Fizo lah salah satunya >ketawa< mestilahkan.. Aaa saya rasa benda yang paling best adalah hmm... The topik.. content dia. Dia punya kandungan adalah.. sangat santai, tentang people tentang manusia.. Tentang apa ni.... perasaan.... Apa ni loving apa ni sayang each other.. Care each other. I think itu benda yang paling saya ingat lah. Lifestyle, kehidupan.*”. ODW bercerita

mengenai kenangan yang masih diingat oleh beliau tentang rancangan *Nasi Lemak Kopi O* yang pernah ditayangkan dahulu sebelum ditamatkan siaran 6 tahun lalu. Justeru, pasangan tanya-jawab ini adalah bentuk komunikasi yang fundamental dan esensial dalam interaksi sehari-hari, baik dalam konteks formal mahupun informal. Pasangan ini membantu dalam pertukaran informasi, penyelesaian masalah dan pemahaman yang lebih baik antara individu.

Pasangan tanya-jawab ini memberi beberapa manfaat dan antaranya adalah dengan adanya pasangan tanya-jawab ini, pengalaman wawancara menjadi lebih dinamik dan interaktif iaitu memungkinkan pertukaran pandangan dan pendapat antara dua atau lebih pihak yang terlibat secara lebih efektif (Zuraidah Mohd Don, 2020). Hal ini dapat meningkatkan kedalaman dan keberagaman informasi yang diperoleh kerana terdapat pelbagai sudut pandang yang dapat dieksplorasi. Tambahan lagi, pasangan tanya-jawab juga dapat membantu memperjelas atau mengklarifikasi pertanyaan yang kompleks. Misalnya, jika ODW tidak sepenuhnya memahami pertanyaan dari satu pengacara, pengacara yang lain dapat membantu untuk menjelaskannya dengan cara berbeza atau memberikan contoh yang lain untuk memudahkan pemahaman. Sesi tanya jawab yang santai dan tidak terlalu formal akan membuat ODW merasa lebih nyaman dan terbuka dalam memberikan informasi yang jujur. Namun demikian, keberhasilan pasangan tanya-jawab dalam wawancara atau perbualan ini tergantung pada kemampuan dan kerjasama antara pengacara.

c. Pasangan berdampingan pertanyaan-sindiran

Kebiasaannya, dalam perbualan, pasangan berdampingan pertanyaan akan direspons dengan jawapan. Namun, dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi* O pasangan berdampingan pertanyaan diikuti dengan ungkapan sindiran dalam bahagian pasangan keduanya. Pasangan berdampingan pertanyaan-sindiran merujuk kepada interaksi di mana satu pihak mengajukan pertanyaan yang mengandungi sindiran dan pihak lain merespons dengan menanggapi atau mengakui sindiran tersebut. Kenyataan ini boleh dilihat dalam dialog (3) berikut:

Dialog (3)

P(ii): Ok Datuk Wira, suka nasi lemak tu.. ***to be exact***

sambal dia ke nasi dia?

ODW: Nasi *first*.

P(ii): **Nasi *first* eh? So your *first* kriteria nasi eh ?**

P(i): So, nasi paling penting?

ODW: Nasi. Dan dia mesti berlemak. **Dah**

namanya nasi lemak kan kalau dia tak berlemak

tak ()..

(Aspirasi: Pantang Dicabar, 17 Januari 2024)

Melalui dialog di atas, P mengajukan soalan kepada ODW iaitu “*to be exact* sambal dia ke nasi dia?”. Soalan ini ditanya oleh P untuk meminta maklumat atau pendapat ODW lebih mementingkan kesedapan nasi atau sambal mengikut keutamaan beliau dalam memilih nasi lemak yang berkualiti dan sedap. Perbualan ini merupakan

permintaan informasi dari ODW terhadap pertanyaan yang diajukan dan ODW mengambil giliran dengan menjawab pertanyaan tersebut. Namun bertentangan dengan kebiasaan, soalan yang diajukan P mendapat respons dalam bentuk ragam bahasa sindiran iaitu “*Nasi. Dan dia mesti berlemak. Dah namanya nasi lemak kan kalau dia tak berlemak tak ()...*”. “*Dah namanya nasi lemak kan kalau dia tak berlemak tak ()..*” ungkapan ini merupakan sindiran yang ditujukan kepada individu yang memasak nasi lemak tapi kurang atau tiada rasa lemaknya dalam nasi lemak yang dihidangkan. Sindiran yang digunakan mengandungi unsur ironi kerana beliau bukan sahaja sedar yang beliau menyindir, bahkan dilakukannya dengan maksud untuk membuat “serangan lisan” dalam berinteraksi. Menurut Searle (1979), ironi adalah bentuk kesantunan melalui gurauan atau ironi verbal yang merupakan tindakan tidak langsung, kerana daya ilokusionernya tidak langsung dan proposisi yang diujarkan bertentangan dengan makna tersurat dalam teks ujaran.

Penggunaan pasangan berdampingan pertanyaan-sindiran ini memberikan kesan yang mendalam dan berlapis. Pertama, pasangan ini dapat mencetuskan reaksi yang lebih spontan dari responden memandangkan sindiran ini sering kali membawa elemen kejutan atau sindiran halus yang mungkin tidak dijangkau oleh mereka. Penggunaan pertanyaan sindiran dalam komunikasi dapat meningkatkan interaksi dan respons spontan kerana elemen kejutan yang membuat ODW lebih terlibat dalam percakapan (Khairul Anuar Mohamed dan Zulhilmi Pauzi, 2019). Sindiran yang sering kali mengandungi unsur kejutan atau humor dapat membuat ODW merasa kurang terkawal dan lebih cenderung memberikan jawapan yang jujur dan tidak dijangka. Ini boleh mendedahkan sisi lain dari diri ODW yang mungkin

tidak akan muncul dengan soalan-soalan biasa. Seperkara lagi, pendekatan ini juga berfungsi sebagai alat untuk menonjolkan ironi atau hipokripsi dalam jawapan atau sikap ODW. Sindiran yang halus tetapi tajam dapat mengarahkan perhatian penonton kepada aspek-aspek tertentu yang mungkin bertentangan atau tidak konsisten dalam kenyataan ODW. Sebagai contoh, dialog sindiran seperti di atas menunjukkan sindiran yang halus tapi tajam buat penjual nasi lemak di luar sana. Tambahan lagi, pola ini juga dapat menjadikan wawancara lebih menarik dan menghiburkan. Hal ini demikian kerana, sindiran boleh berfungsi sebagai elemen humor dalam perbualan yang menjadikan program lebih dinamik dan kurang monoton. Penonton mungkin lebih berminat untuk mengikuti program wawancara yang bukan sahaja informatif malah mengandungi unsur hiburan.

d. Pasangan berdampingan keluhan-penjelasan

Pasangan berdampingan keluhan-penjelasan merujuk kepada interaksi di mana satu pihak mengungkapkan keluhan atau ketidakpuasan dan pihak lain merespons dengan memberikan penjelasan atau klarifikasi. Ujaran keluhan yang diujarkan oleh P bertujuan membawa kelainan dalam program wawancara selain mempelbagaikan teknik pertanyaan. ODW pula perlu memikul peranan untuk menjawab dan memberikan penjelasan tentang topik yang dibincangkan kepada khalayak. Perhatikan dialog (4) di bawah:

Dialog (4)

P(i): Ok kita.. **Ya lah dalam, dalam meniaga ni kan**

tak lepas daripada (.) orang cemburu dengan kita.

Hasad dengki, apa semua kan.. Saya tahu mungkin ada kalau sebagai seorang peniaga mesti ada kisah-kisah dia kan macam tadi kan (.) hah sebenarnya nak Encik Zainal bagi peringatan sikit lah kepada... peniaga-peniaga di luar sana kan. Kenapa kita nak kena jauhkan daripada perasaan hasad dengki ni dengan rezeki orang lain?

ODW: Sebenarnya, **rezeki ni masing-masing. Allah SWT bagi rezeki. Ada orang datang jumpa saya minta pelaris lah, itulah inilah. Saya cakap ibu saya bagi pelaris satu je... Asam, garam, gula itulah pelaris dia. Maknanya sedap. Kalau makanan kita sedap, Insha Allah ceruk mana pun orang akan datang.** Setakat orang nak dengki tu bagi saya biasa. Pasal tu saya cakap asam garam....

(Aspirasi: Mengekalkan Warisan Berzaman, 14 Februari 2024)

Dalam dialog 4 P(i) di atas, ragam bahasa mengeluh atau seruan digunakan untuk menyatakan kekecewaan yang dialami, iaitu “*Ya lah dalam, dalam meniaga ni kan tak lepas daripada (.) orang cemburu dengan kita. Hasad dengki, apa semua kan.*”. Melalui ujaran ini, P menyatakan kekecewaannya terhadap sikap segelintir peniaga yang mempunyai hasad dengki dengan peniaga yang lain hingga terbawa-bawa

perasaan tersebut kepada jalan yang salah dan dimurkai Allah SWT. Oleh itu, P menyatakan kekecewaan dalam ujarannya dan seterusnya bertindak menyampaikan pertanyaan bagi mendapatkan maklumat daripada ODW. Ujaran keluhan ini juga berfungsi sebagai salah satu cara untuk meminta informasi. Permintaan informasi adalah tindakan bahasa yang penting dalam program pengacaraan (Asmah Hj. Omar, 2010:26)

ODW mengambil giliran dalam perbualan dengan memberikan respons terhadap permintaan tersebut melalui penjelasan yang diberikan dengan ungkapan *“rezeki ni masing-masing. Allah SWT bagi rezeki. Ada orang datang jumpa saya minta pelaris lah, itulah inilah. Saya cakap ibu saya bagi pelaris satu je... Asam, garam, gula itulah pelaris dia. Maknanya sedap. Kalau makanan kita sedap, Insha Allah ceruk mana pun orang akan datang.”* ODW menjelaskan peniaga-peniaga di luar sana seharusnya percaya pada rezeki yang diberikan oleh Allah SWT. Encik Zainal juga memberi pesanan kepada peniaga di luar sana untuk menjaga kualiti makanan mereka bagi menjamin pelanggan tetap yang akan membantu dalam menjayakan perniagaan yang dijalankan. Pola ini memungkinkan pihak yang mengeluh untuk mengungkapkan ketidakpuasan mereka sementara pihak lain memberikan penjelasan atau solusi sehingga masalah dapat diselesaikan dengan lebih efektif. Kesimpulannya, pasangan berdampingan keluhan-penjelasan ini penting dalam komunikasi bagi menyelesaikan masalah dan mencapai pemahaman yang lebih baik antara kedua belah pihak. Respon yang baik terhadap keluhan dapat memperbaiki hubungan dan meningkatkan kepuasan serta kepercayaan antara individu.

Penggunaan pasangan ini menunjukkan kesan di mana teknik ini memungkinkan pengacara untuk menggali isu secara lebih mendalam dengan mengajukan keluhan atau kritikan dan kemudian meminta ODW memberikan penjelasan yang terperinci. Zaharudin, Azlina dan Rosli (2020), menyatakan bahawa teknik keluhan-penjelasan ini membantu pengacara memahami perspektif responden secara lebih mendalam. Keluhan yang disampaikan secara konstruktif dapat mendorong responden memberikan penjelasan yang lebih terperinci dan reflektif. Ini boleh mendorong dialog yang lebih kritis dan jelas yang membolehkan ODW memperbaiki atau mempertahankan pendirian mereka. ODW diharapkan untuk memberikan argumentasi atau alasan yang kuat untuk mendukung atau menanggapi keluhan yang diajukan. Selain itu, pola ini juga membantu penonton memahami konteks dan latar belakang masalah secara lebih komprehensif, meningkatkan keterlibatan dan pemahaman mereka terhadap topik yang dibahas. Walaubagaimanapun, beberapa pertimbangan perlu diperhatikan semasa menggunakan pola pasangan berdampingan keluhan-penjelasan ini. Pertama sekali penting untuk menjaga keseimbangan antara mengajukan keluhan dengan memberikan kesempatan yang cukup bagi ODW untuk memberikan penjelasan. Terlalu banyak keluhan tanpa penjelasan yang memadai boleh membuat suasana menjadi tegang. Seperkara lagi, penggunaan pola ini harus dilakukan dengan penuh rasa hormat terhadap semua pihak yang terlibat dalam wawancara. Pengacara harus menjaga sikap serta menghindari pola ini sebagai alat untuk menyerang atau memalukan ODW. Dengan mempertimbangkan perkara ini, ianya akan mendorong dialog dalam landasan yang betul.

e. Pasangan berdampingan sindiran-sindiran

Pasangan berdampingan sindiran-sindiran merujuk kepada interaksi di mana satu pihak menyampaikan sindiran atau celaan secara tersirat dan pihak lain memberikan respons atau tanggapan terhadap sindiran tersebut. Pasangan ini digunakan untuk menyatakan ketidakpuasan atau kritikan secara halus atau tidak langsung. Menurut Asmah Hj. Omar (2013: 85), dalam sindiran, orang yang dikritik tidak disebutkan namanya atau tidak disebutkan sesuatu yang secara langsung berkaitan dengan dirinya. Ungkapan ini boleh diperhatikan dalam dialog (5) di bawah:

Dialog (5)

P(ii): Kalau.. Kalau kita tengok eh Puan... tadi waktu sedutan tadi tu saya nampak Puan mengendalikan senjata di atas kapal dan senjata tu kita tahu bukannya senang eh / Adakah / Macam mana macam mana sebenarnya mengendalikan senjata tu... apakah kesukarannya apatah lagi di atas kapal?

ODW: Ok kalau berkenaan dengan senjata yang tadi yang yang Erra dan Heliza tengok.. Itu adalah GPMG..... Senjata tersebut adalah kita letakkan di kapal-kapal maritim lah..... Untuk kita punya.. Keselamatan di laut. Pertama sekali walau untuk apa sekalipun kita perlulah jalani latihan untuk mengendalikan senjata senjata kecil tersebut lah

untuk keselamatan.

P(i): Senjata kecil eh? Kita tengok dah besar dah tu.

ODW: Senjata kecil.

P(i): Ada lagi besar?

ODW: Lagi besar meriam.

(Aspirasi: Laksamana Maritim Wanita Pertama, 31 Januari 2024)

Dalam dialog (6) P(i) di atas, “*Senjata kecil eh? Kita tengok dah besar dah tu.*” merupakan ragam bahasa sindiran yang diujarkan oleh P. Menurut Za’ba (1965) Bahasa sindiran merujuk kepada penggunaan bahasa yang secara tidak langsung menyalahkan atau mengkritik seseorang atau sesuatu tanpa menyebutkan secara langsung. Ini sering kali melibatkan penggunaan kiasan atau mengarahkannya kepada perkara lain sebagai pengganti untuk menyampaikan kritikan secara terus. Sindiran daripada P ini ditujukan kepada ODW yang kononnya senjata GMPG yang dikendalikan atas kapal itu dipanggil senjata kecil biarpun menurut pandangan P, senjata tersebut tidaklah sekecil seperti yang dikatakan oleh ODW. Melalui perbualan ini, dapat dilihat bahawa P menyatakan ketidakpuasan mengenai saiz senjata api yang dibincangkan dalam perbualan ini, lalu melontarkan ragam bahasa sindiran bagi mendapatkan maklumat sebenar. Bahasa sindiran yang digunakan oleh P boleh dikategorikan dalam unsur ironi. Menurut McDonald (1999:486) menyatakan bahawa ironi ialah “pertuturan tak langsung dengan maksud untuk menghasilkan suatu kesan dramatik kepada pendengar”. Sehubungan dengan itu, P

menggunakan unsur ironi dalam bahasa sindiran untuk menarik perhatian ODW dan pendengar dengan menghasilkan suatu kesan dramatik di mana P mempersoalkan senjata yang tidak layak dipanggil kecil itu dipanggil kecil oleh ODW yang merupakan Laksamana Maritim Wanita Pertama.

ODW mengambil giliran dalam perbualan dengan menegaskan bahawa senjata itu memang dipanggil senjata kecil dan menjawab persoalan P “*Ada lagi besar?*” dengan ungkapan “*Lagi besar meriam.*”. ODW mengambil giliran dengan menyindir semula P dengan mengatakan senjata yang besar adalah meriam. Beliau telah menegaskan senjata yang digunakan di atas kapal adalah kecil dan menyatakan meriam merupakan senjata yang besar digunakan oleh pihak maritim. Dengan tidak menyatakan kritik secara langsung, sindiran dapat mengurangi kemungkinan timbulnya konflik atau ketegangan antara pihak terlibat.

Penggunaan pasangan berdampingan sindiran-sindiran dalam program wawancara memiliki efek yang kompleks dan bervariasi bergantung kepada konteks, penekanan dan cara penyampaiannya. Sindiran-sindiran ini dapat memberikan elemen humor yang menghibur dan menjadikan wawancara lebih menarik serta sindiran juga boleh digunakan untuk mengajukan pertanyaan yang kritis atau mengajak ODW untuk memberikan jawapan yang lebih jujur (Khairul Anuar Mohamed dan Azlina Rosli (2020). Namun demikian, penggunaannya harus dilakukan dengan berhati-hati untuk menghindari risiko menciptakan suasana yang tidak nyaman. Sindiran yang tidak difahami dengan baik dengan mudah membuat suasana menjadi tidak nyaman bagi ODW. Hal ini akan mengganggu aliran perbualan bahkan menyebabkan respon yang kurang terbuka. Terkadang, sindiran

juga boleh di salah erti atau tidak diterima dengan baik oleh ODW dan penonton. Ini boleh menyebabkan ketegangan yang tidak diinginkan. Oleh itu, penting bagi pengacara untuk memilih kata-kata yang bijak dan menjaga sikap profesional bagi memastikan bahawa sindiran-sindiran tersebut mendukung tujuan komunikasi yang efektif.

f. Pasangan berdampingan penawaran-penerimaan

Pasangan berdampingan penawaran-penerimaan merujuk kepada interaksi di mana satu pihak membuat tawaran atau mengajukan suatu usulan dan pihak lain merespons dengan menerima tawaran tersebut. Respons terhadap tawaran atau ajakan tersebut adalah untuk memberikan maklumat yang menunjukkan penerimaan terhadap tawaran yang diberikan. Ini dapat dilihat melalui dialog (6) yang berikut:

Dialog (6)

P(i): Faham-faham.. Jadi SOP tu penting, semua akan follow pada SOP tulah.. Hah faham.. Jadi.. **kalau... macam tu kan ada tak cabaran-cabaran utama..** Maksudnya dalam 70 tahun ni, kan cabaran utama.... Nak mengusahakan nasi lemak ni saya faham lah banyak dia punya.. Kita panggil apa.... Saingan dan sebagainya kalau kata kualiti servis semua lebih kurang sama kan tapi dari sudut nak menjaga tu.

ODW: Macam-macam.. **Saya menghadapi macam-macam dugaan. Diorang mengatakan yang saya ni masak menggunakan air mayat lah, macam-macam[↑] lagi. Setakat garam kasar bertaburan tu, biasa bagi saya...** Jadi saya.. Untuk () tu saya terpaksa benda tu tolak tepi. Benda-benda macam tu saya yakin Allah SWT dah bagi saya rezeki....

(Aspirasi: Mengekalkan Warisan Berzaman, 14 Februari 2024)

Dialog (6) P(i) “.... *kalau... macam tu kan ada tak cabaran-cabaran utama...*” merupakan lakuan bahasa penawaran. Lakuan bahasa penawaran yang dilontarkan oleh P ini bertujuan memberikan kesempatan kepada ODW untuk berkongsi mengenai cabaran-cabaran yang pernah dihadapi ODW sepanjang mengusahakan perniagaan Nasi Lemak Tanglin yang sudah bertahan selama 70 tahun. Penggunaan ungkapan “*kalau*” dalam konteks ini menunjukkan bahawa percubaan dan keinginan P untuk mendapatkan maklumat daripada ODW. ODW mengambil giliran dengan menerima lakuan bahasa penawaran daripada P iaitu dengan maklumat “*Saya menghadapi macam-macam dugaan. Diorang mengatakan yang saya ni masak menggunakan air air mayat lah, macam-macam[↑] lagi. Setakat garam kasar bertaburan tu, biasa bagi saya...*” Peluang yang diberikan oleh P digunakan dengan sebaik mungkin oleh ODW untuk berkongsi mengenai pengalaman-pengalaman beliau sepanjang mengekalkan warisan berzaman iaitu perniagaan Nasi Lemak Tanglin. Pasangan berdampingan ini dapat disampaikan secara non-verbal melalui ekspresi tubuh, seperti mengangguk kepala sebagai tanda

persetujuan atau penerimaan terhadap suatu ujaran. Tuntasnya, pola komunikasi ini membantu memastikan kedua belah pihak memahami dengan jelas apa yang ditawarkan dan apakah respon yang diharapkan untuk dikongsikan kepada khalayak. Tambahan pula, penggunaan pasangan berdampingan penawaran-penerimaan ini menguatkan keterlibatan tentang topik yang dibincangkan dan mencipta persekitaran yang memudahkan dalam menerima idea, cadangan atau bantuan daripada orang lain.

Penggunaan pasangan berdampingan penawaran-penerimaan dalam program wawancara merupakan strategi komunikasi yang kuat untuk menciptakan interaksi yang positif antara pengacara dan ODW. Konsep ini berfokus pada cara pengacara menyampaikan pertanyaan atau argumen kepada ODW dan tanggapan ODW terhadap pertanyaan atau argumen tersebut dapat mempengaruhi perbualan. Pasangan berdampingan ini penting dalam mencipta suasana dialog yang harmonis antara kedua belah pihak. Dialog yang harmonis dapat meningkatkan kualiti interaksi antara pameran dan menciptakan suasana yang kondusif untuk diskusi yang lebih mendalam (Rosyafinaz Mohamat, Bambang Sumintono dan Harris Shah Abd Hamid, 2022). Ketika pengacara merasa ODW memberi tanggapan yang baik terhadap soalan yang diberi, ini membuat pengacara lebih yakin dan bermotivasi untuk terus berbincang dengan lebih mendalam. Begitu juga, jika ODW merasa bahawa soalan atau pandangannya dihargai oleh pengacara, ODW lebih terbuka dan bersedia memberikan jawapan yang lebih jujur dan bermakna. Ini membantu menjadikan perbualan lebih produktif dan menyenangkan bagi kedua-dua pihak. Di samping itu, pasangan berdampingan ini membolehkan perbincangan

idea yang lebih mendalam. Dengan mengajukan soalan yang terbuka dan memberi reaksi yang baik terhadap jawapan ODW, pengacara dapat memahami pandangan dan idea ODW dengan lebih baik. Ini membuka peluang untuk membincangkan topik dengan lebih terperinci dan menjadikan kandungan wawancara lebih bermakna. Konklusinya, menggunakan pendekatan penawaran-penerimaan dalam wawancara bukan sahaja membantu meningkatkan kualiti komunikasi antara pengacara dan ODW malahan juga membina platform yang berkesan untuk saling memahami.

g. Pasangan berdampingan perintah-pemberian maklumat

Pasangan berdampingan perintah-pemberian maklumat merujuk kepada interaksi di mana satu pihak memberikan perintah atau arahan dan pihak lain memberikan maklumat sebagai tindak balas kepada arahan tersebut. Ini merupakan pola komunikasi yang sering terjadi dalam situasi di mana arahan diperlukan dan maklumat perlu disampaikan untuk melaksanakan arahan tersebut. Pasangan ini boleh dilihat dalam dialog (7) di bawah ini:

Dialog (7)

P(ii): Ok Datuk, apa nasihat Datuk dan juga pesanan kepada mereka yang.. Saya percaya ada yang tengah *struggle* sekarang ni nak mulakan *business* atau nak *sustain* dalam *business* yang dalam keadaan ekonomi yang agak mencabar sekarang ni? **Silakan** Datuk.

ODW: Saya fikir, tuhan akan merubah hidup

seseorang bila kita nakkan perubahan.. Dan setiap perubahan ni dia ada jalan dia. So saya punya cadangan adalah.... Ni saya belajar dulu lah, hidup saya bukannya senang / panjang cerita hidup saya dulu... hidup saya pun susah.. **Tetapi apa yang saya belajar adalah tengok apa yang orang lain capai dengan bukan iri hati, dengan rasa aku pun nak jadi macam tu dan kemudian kita start tulis matlamat dan doa dan berusaha / Aku nak jadi macam tu juga / Semua perkara akan mula berubah. Allah akan tunjukkan jalan. Ayat dia macam ni lah “ when the student is ready, the teacher will appear”**

(Aspirasi: Pantang Dicabar, 17 Januari 2024)

Dalam dialog (7) P(ii) di atas, menunjukkan penggunaan kata perintah silaan iaitu kata “*Sila..*”. Kata “*Sila*” merupakan kata yang digunakan untuk memberi arahan atau permintaan dengan sopan. Kata silaan yang ditujukan kepada ODW oleh P sebagai tanda memberikan keizinan kepada ODW yang merupakan pakar motivasi perniagaan untuk memberikan nasihat dan pesanan kepada usahawan-usahawan untuk memulakan atau mengekalkan perniagaan mereka dalam ekonomi yang semakin gawat ini. Dalam konteks ini, P memerintahkan ODW untuk menjawab soalan yang diberikan dengan segera tetapi masih terselit santun dalam ujaran yang diungkapkan. Kata perintah silaan ini menunjukkan nilai kesopanan dan

penghormatan yang tinggi dalam budaya Melayu. Penggunaan kata ini bukan sahaja memperhalus komunikasi tetapi juga membantu membina hubungan yang baik dan harmoni antara individu dalam masyarakat.

Sementara itu, dialog (7) ODW adalah orang yang memberikan informasi berkaitan nasihat yang boleh diberikan kepada usahawan-usahawan untuk memulakan atau mengekalkan perniagaan mereka dalam ekonomi yang semakin gawat ini melalui ungkapan “*Tetapi apa yang saya belajar adalah tengok apa yang orang lain capai dengan bukan iri hati, dengan rasa aku pun nak jadi macam tu dan kemudian kita start tulis matlamat dan doa dan berusaha / Aku nak jadi macam tu juga / Semua perkara akan mula berubah. Allah akan tunjukkan jalan. Ayat dia macam ni lah “when the student is ready, the teacher will appear”*”. Ujaran ini menunjukkan bahawa respons yang diberikan oleh ODW dipilih mengikut keutamaan turutan yang diharapkan oleh P atau disebut sebagai *preference organization*. ODW berjaya menerima arahan yang diberikan dan memberikan maklumat yang baik untuk menjawab soalan yang diutarakan oleh P. Menurut Heritage (1992: 265-280), Struktur kecenderungan turutan yang disenangi (*preference*) ini penting dalam menjaga hubungan sosial semasa interaksi. Secara keseluruhan, pasangan berdampingan perintah-pemberian maklumat ini membentuk komunikasi yang lebih efisien dan berkesan kerana penerima arahan terlibat secara aktif dengan memberikan maklumat yang diperlukan.

Pasangan berdampingan perintah-pemberian maklumat dalam program wawancara menunjukkan kesan yang sangat positif terhadap jalannya dalam perbincangan. Apabila pengacara memberikan arahan atau perintah yang jelas,

ODW dapat memahami apa yang diharapkan dan memberikan maklumat yang tepat dan relevan. Perintah yang jelas daripada pengacara dapat membantu ODW merasa lebih yakin dan termotivasi untuk memberikan maklumat yang berkualiti iaitu pada akhirnya meningkatkan hasil wawancara (Norafifah Bali dan Mohamad Hashim Othman, 2019). Ini membantu memastikan wawancara masih tetap fokus dan teratur bagi mengelakkan sebarang kekeliruan atau penyimpangan daripada topik utama. Sebagai contoh, dalam konteks perbualan di atas, pengacara meminta ODW untuk menjelaskan bagaimana cara mengatasi cabaran sebagai seorang usahawan dan ODW bertindak untuk memberikan jawapan yang langsung dan tepat mengenai perkara tersebut. Oleh itu, hasilnya perbincangan menjadi lebih berkesan dan maklumat yang disampaikan lebih jelas dan terperinci. Kesimpulannya, ini bukan sahaja meningkatkan kualiti wacana tetapi juga memberi nilai tambah kepada penonton untuk memahami topik yang dibincangkan dengan lebih menyeluruh dan mendalam.

h. Pasangan berdampingan pemberian penghargaan-pemberian penghargaan

Pasangan berdampingan pemberian penghargaan-pemberian penghargaan merujuk kepada interaksi di mana seseorang memberikan penghargaan dan pihak lain membalasnya dengan penghargaan juga. Dalam konteks perbualan, pasangan berdampingan ini terjadi ketika satu pihak mengucapkan kata-kata pujian, terima kasih atau penghargaan dan menerima respon dengan kata-kata serupa. Ungkapan ini boleh dilihat dalam dialog (8) yang berikut:

Dialog (8)

P(i): Kita dengar kata-kata daripada Puan Zulinda..

Kita rasa sangat bangga. Seorang wanita dapat memberikan inspirasi kepada ramai wanita di luar sana Insya Allah yang nak ceburi dalam bidang maritim. Insha Allah

P(ii): Puan telah membuktikan sebagai seorang wanita tidak ada yang mustahil kalau nak berjaya.

Usaha dan kalau rezeki dah ditentu, itulah dia takdirnya.. **Ok, jadi terima kasih banyak-banyak**

Puan bersama dengan kami. Semoga maritim

Malaysia terus orang kata bersinar >ketawa<..

ODW: **Terima kasih juga Erra dan Heliza. Amin..**

(Aspirasi: Laksamana Maritim Wanita Pertama, 31 Januari 2024)

Dalam dialog (8) P(ii) dan dialog ODW di atas menunjukkan giliran dalam perbualan antara pameran P dan ODW. P mengucapkan “*terima kasih banyak-banyak Puan bersama dengan kami.*” sebagai tanda penghargaan kerana sudi meluangkan masa menyertai program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Ucapan “terima kasih” sering diucapkan dalam masyarakat dan budaya Melayu ketika seseorang menerima penghargaan, penghormatan, pemberian, atau bantuan. Pemberian penghargaan daripada P turut menerima balasan daripada ODW dengan ucapan “*terima kasih*” juga sebagai tanda penghargaan kerana telah sudi

mengundangnya bagi membicarakan pengalaman ODW sebagai Laksamana Maritim Wanita Pertama. Ungkapan "*terima kasih*" adalah cara yang ringkas dan mudah untuk menyatakan rasa syukur dan penghargaan kepada seseorang yang telah melakukan kebaikan, tanpa mengira usia mereka (Maslida et al., 2022). Di samping itu, terima kasih juga menandakan penanda santun bagi ujaran penutup perbualan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penghargaan melalui ucapan "*terima kasih*" mencerminkan amalan berbudi bahasa (Beden, 2020:7). Intihannya, ucapan penghargaan yang diungkapkan bukan sahaja sebagai tanda menghargai malah penggunaan ucapan ini dapat meningkatkan kepercayaan dan kerjasama antara individu lantas berjaya memperkuat budaya kesopanan dan berbudi bahasa dalam masyarakat.

Penggunaan pola pasangan berdampingan pemberian penghargaan-pemberian penghargaan khususnya ucapan terima kasih dapat menciptakan suasana yang lebih positif dan menunjukkan sifat hormat menghormati antara pengacara dan ODW. Pemberian penghargaan dapat meningkatkan hubungan interpersonal dan menciptakan suasana yang kondusif bagi perbincangan yang konstruktif (Rosyafinaz Mohamat, Bambang Sumintono dan Harris Shah Abd Hamid, 2022). Penghargaan yang tulus dapat membuat ODW merasa dihargai dan dihormati dan meningkatkan kemungkinan mereka akan bersedia untuk menyertai lagi program tersebut sebagai tetamu di masa hadapan. Selain itu, penonton juga dapat merasakan suasana yang hangat dan profesional yang dapat meningkatkan suasana program yang lebih positif. Penghargaan ini meskipun sederhana, ianya meninggalkan kesan positif dan memperkuat pengalaman keseluruhan wawancara bagi semua pihak

yang terlibat.

4.3 RUMUSAN

Sebagai kesimpulan, P dan ODW dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* telah menerapkan pelbagai pola urutan ujaran pasangan berdampingan. Analisis ini dilakukan berdasarkan teori analisis perbualan yang dikemukakan oleh Heritage (1992). Hasil kajian mendapati terdapat 8 pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang digunakan oleh P dan ODW. Jelaslah, bahawa rancangan *Nasi Lemak Kopi O* ini mengandungi kepelbagaian variasi pasangan berdampingan yang berjaya memaparkan penggunaan lakuan pertuturan yang berbeza mengikut turutan perbualan. Pasangan berdampingan ini juga membantu dalam menjaga aliran perbualan yang lancar dan teratur dan memastikan informasi yang disampaikan menjadi lebih jelas dan mudah dipahami bukan saja bagi kedua belah pihak tetapi kepada khalayak juga. Analisis ini menunjukkan bahawa pola pasangan berdampingan dalam program wawancara mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap dinamik interaksi dan hasil wawancara. Interaksi yang positif dan kolaboratif antara pasangan dapat meningkatkan kualiti maklumat yang diperoleh, manakala interaksi yang negatif boleh memberi kesan sebaliknya.

BAB 5

RUMUSAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini bertujuan untuk merumuskan keseluruhan hasil kajian yang telah dijalankan dan memberikan penilaian komprehensif terhadap penemuan-penemuan yang diperoleh. Dalam bab ini, kita akan membincangkan penemuan-penemuan utama yang muncul daripada analisis data yang telah dilakukan. Penemuan ini akan dianalisis dengan mengaitkan semula kepada objektif kajian dan hipotesis yang telah dikemukakan pada bab-bab sebelumnya. Seterusnya, kita akan melihat implikasi penemuan-penemuan ini dari segi amalan. Implikasi amalan merujuk kepada aplikasi praktikal hasil kajian dalam konteks sebenar, serta cadangan-cadangan untuk pihak berkepentingan berdasarkan dapatan kajian. Bab ini juga akan mengetengahkan beberapa cadangan untuk kajian lanjut. Cadangan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada penyelidik masa hadapan tentang bagaimana kajian ini boleh diperluaskan atau diperbaiki, dengan menumpukan kepada aspek-aspek yang belum diterokai atau yang memerlukan kajian lebih mendalam. Akhir sekali, bab ini akan merangkumkan keseluruhan dapatan dan perbincangan dalam kajian ini, memberikan gambaran menyeluruh tentang sumbangan kajian ini terhadap bidang yang dikaji serta membuka jalan bagi penyelidikan seterusnya.

5.1 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*,

Pengacara dan ODW telah menerapkan pelbagai pola urutan ujaran pasangan berdampingan dalam perbualan mereka.. Berdasarkan teori analisis perbualan yang dikemukakan oleh Heritage (1992), kajian ini mendapati terdapat 8 pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang digunakan oleh Pengacara dan ODW. 8 pola yang dikenal pasti oleh pengkaji adalah pasangan berdampingan tegur-sapa, tanya-jawab, pertanyaan-sindiran, keluhan-penjelasan, sindiran-sindiran, penawaran penerimaan, perintah-pemberian maklumat dan juga penghargaan-pemberian penghargaan. Maka, jelaslah bahawa rancangan *Nasi Lemak Kopi O* memaparkan kepelbagaian variasi pasangan berdampingan yang berkesan dalam menunjukkan penggunaan lakuan pertuturan yang berbeza mengikut urutan perbualan. Pola pasangan berdampingan ini juga membantu menjaga kelancaran dan keteraturan aliran perbualan serta memastikan maklumat yang disampaikan menjadi lebih jelas dan mudah difahami oleh kedua-dua pihak serta penonton. Analisis ini menunjukkan bahawa pola pasangan berdampingan dalam program wawancara mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap interaksi dan hasil wawancara. Kesimpulannya, penggunaan kepelbagaian pola pasangan berdampingan bukan sahaja mewujudkan kepelbagaian bentuk perbualan yang dapat menarik perhatian malah membantu dalam memastikan aliran perbualan berjalan lancar dan sampai kepada pendengar.

Selain itu, penggunaan turtan pasangan berdamping dalam wawancara membantu khalayak memahami maklumat dengan lebih jelas dan tersusun. Penggunaan pola ini memainkan peranan penting dalam membantu penonton mengikuti perbualan dengan lebih mudah kerana setiap pernyataan atau pertanyaan yang dikemukakan oleh pengacara biasanya diikuti dengan jawapan yang relevan daripada ODW. Ini bukan sahaja hanya meningkatkan

kejelasan dan kesinambungan maklumat yang disampaikan, tetapi juga membolehkan penonton mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan mendalam tentang topik yang dibincangkan. Sebagai contoh, dalam situasi di mana pengacara mengemukakan soalan yang kompleks, pasangan berdampingan seperti perintah-pemberian maklumat membolehkan ODW memberikan jawapan yang terperinci yang membantu penonton memahami isu yang dibincangkan. Tambahan pula, pola ini mengurangkan risiko salah faham atau kekeliruan kerana struktur yang jelas membimbing penonton melalui logik dan perkembangan perbualan. Secara keseluruhannya, penggunaan pola pasangan berdampingan dalam program wawancara tidak hanya menyokong kefahaman dan kejelasan komunikasi tetapi juga meningkatkan daya tarikan dan keberkesanan program tersebut kepada penonton.

Dalam konteks program wawancara, penggunaan pola ini membantu mewujudkan aliran perbualan yang lebih lancar dan teratur. Ini adalah penting kerana ia memberikan kerangka yang jelas bagi Pengacara dan ODW untuk berinteraksi dan seterusnya mengurangkan risiko kekeliruan atau berlakunya pertindihan dalam perbualan. Tambahan pula, pola pasangan berdampingan memastikan setiap soalan yang dibangkitkan mendapat respon yang tepat yang seterusnya meningkatkan kejelasan dan kualiti maklumat yang disampaikan kepada penonton. Dengan struktur yang tersusun ini, program wawancara bukan sahaja lebih menarik untuk ditonton tetapi juga berjaya mencapai objektifnya iaitu menyampaikan maklumat yang bermakna dan mendalam. Lebih daripada itu, struktur perbualan yang baik memberi kesan kepada persepsi profesionalisme program tersebut. Program wawancara yang berjalan dengan teratur memberikan imej bahawa ia dikendalikan oleh pengacara yang berpengetahuan dan kompeten. Ini akan meningkatkan

reputasi program kerana dapat meningkatkan kepercayaan penonton terhadap kandungan yang disampaikan. Oleh itu, penggunaan pola pasangan berdampingan dapat memperkukuhkan integriti dan profesionalisme program wawancara yang menjadikannya lebih bermanfaat dan bermutu tinggi.

Di samping itu, analisis wacana juga memainkan peranan penting dalam memahami persepsi dan masyarakat dengan meneliti bagaimana bahasa dan komunikasi digunakan untuk membentuk pandangan umum. Melalui analisis ini, pengkaji dapat mengungkap cara media dan saluran komunikasi lainnya menggambarkan isu-isu tertentu yang seterusnya mempengaruhi bagaimana masyarakat menerima atau menolak isu tersebut. Sebagai contoh, cara media melaporkan tentang isu-isu seperti imigresen, kesihatan awam atau perubahan iklim boleh membentuk pandangan dan respons masyarakat terhadap isu-isu ini. Media yang menggunakan bahasa yang dramatik atau negatif dalam melaporkan mengenai imigresen mungkin menyebabkan kebimbangan dan ketakutan dalam kalangan masyarakat, manakala laporan yang menekankan sumbangan positif imigran boleh mencetuskan penerimaan dan toleransi yang lebih besar. Dengan menganalisis wacana, kita dapat memahami naratif yang digunakan untuk mempengaruhi persepsi masyarakat, mengenal pasti bias atau kecenderungan tertentu, dan seterusnya menggunakan pengetahuan ini untuk mendekati komunikasi secara lebih kritis dan bijaksana. Ini juga membantu dalam merangka strategi komunikasi yang lebih berkesan untuk menyokong perubahan sosial yang positif dan membentuk pendapat umum secara konstruktif.

Kesimpulannya, kajian analisis wacana memberi impak yang signifikan dalam pelbagai aspek. Ianya memberi kesan yang mendalam kepada penonton, meningkatkan kualiti program dan juga kajian ini memainkan peranan penting dalam pembentukan

masyarakat yang lebih kritis dan berinformasi.

5.2 IMPLIKASI KAJIAN

Kajian analisis wacana perbualan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* memberikan beberapa implikasi amalan yang penting. Implikasi ini merangkumi pelbagai aspek yang boleh membantu memahami lebih mendalam tentang dinamika komunikasi dalam program wawancara serta aplikasi praktikalnya dalam bidang komunikasi dan media. Kajian analisis wacana perbualan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* boleh dijadikan bahan rujukan yang berharga dalam latihan dan pembangunan hos serta wartawan. Melalui pemahaman mendalam tentang teknik-teknik komunikasi yang berkesan, mereka dapat meningkatkan kemahiran wawancara dan kemampuan menyampaikan maklumat dengan lebih baik. Kewujudan kepelbagaian variasi pasangan berdampingan membantu hos dalam memvariasi teknik perbualan yang akan merencanakan lagi perbualan serta melancarkan aliran perbualan semasa wawancara berlaku. Latihan dapat meliputi bagaimana menggunakan pola ini untuk memastikan aliran perbualan yang lancar dan respons yang tepat dari tetamu. Penggunaan variasi bahasa dalam turutan perbualan dapat mengembangkan kemahiran komunikasi yang lebih efektif, meningkatkan kualiti wawancara, dan menyampaikan maklumat dengan lebih jelas dan menarik kepada penonton.

Selain itu, kajian ini juga memainkan peranan penting dalam pembinaan kandungan media yang lebih inklusif dan sensitif terhadap konteks sosial dan budaya penonton. Ini penting untuk memastikan bahawa program tidak hanya menghibur tetapi juga mendidik dan mempengaruhi masyarakat secara positif. Tujuan dalam pembangunan sesebuah

program haruslah mengarah kepada pemberian informasi yang berkualitas. Oleh itu, temuan kajian dapat digunakan untuk menyusun isi program dengan lebih terancang dan berkualitas. Produser media dapat memilih topik yang relevan dan menghadirkan informasi yang bermanfaat dan memotivasi penonton untuk terlibat dalam diskusi atau tindakan yang lebih mendalam. Pemilihan topik yang menantang dan menghadirkan pandangan yang beragam, dapat merangsang pemikiran kritis dan refleksi di kalangan penonton. Ini dapat membantu masyarakat untuk lebih memahami isu-isu kompleks dan membuat keputusan yang lebih informasi.

Bukan itu sahaja, penemuan dari kajian ini membuka jalan untuk penyelidikan lanjut dalam konteks program media yang lain, seperti berita atau rancangan hiburan untuk melihat kesamaan dan perbezaan dalam dinamika wacana. Melalui penyelidikan ini, peneliti dapat memperdalam pemahaman tentang bagaimana komunikasi dan interaksi terjadi dalam berbagai jenis program media. Sebagai contoh, penelitian dapat dilakukan untuk menganalisis bagaimana bahasa dan struktur wacana dalam program berita mempengaruhi persepsi dan interpretasi penonton terhadap isu-isu yang dilaporkan. Misalnya, bagaimana pemilihan kata dan *framing* berita mempengaruhi pemahaman tentang isu-isu politik atau sosial. Dengan implikasi ini, kajian analisis wacana perbualan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* dapat memberikan pandangan yang bermakna dan berguna dalam komunikasi serta pengembangan kandungan media yang lebih berkualitas.

5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Cadangan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada penyelidik masa hadapan

tentang bagaimana kajian ini boleh diperluaskan atau diperbaiki, dengan menumpukan kepada aspek-aspek yang belum diterokai atau yang memerlukan kajian lebih mendalam. Antara cadangan yang disertakan adalah pengembangan sampel kajian. Pengembangan sampel kajian merupakan langkah penting untuk memperdalam pemahaman tentang dinamika wacana dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Pengkaji seterusnya boleh memperluaskan kajian dengan menggunakan episod dari pelbagai musim dan tahun. Menggunakan episod dari pelbagai musim dan tahun akan memungkinkan pengkaji untuk melihat evolusi wacana perbualan dari masa ke masa. Ini penting kerana dinamika wacana dapat dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor sosial, politik atau budaya yang berubah dari waktu ke waktu. Dengan menganalisis perkembangan dan perubahan dalam cara percakapan, ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana program tersebut beradaptasi dengan perubahan dalam masyarakat.

Justeru, pendekatan kajian perbandingan melibatkan membandingkan program *Nasi Lemak Kopi O* dengan program sejenis dari negara lain untuk memahami pengaruh budaya terhadap wacana perbualan. Dengan menerapkan cadangan ini, kajian lanjutan tentang wacana perbualan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan luas tentang komunikasi media dalam konteks televisyen Malaysia. Pengkaji memilih berapa program wawancara sejenis dari negara lain yang memiliki ciri-ciri yang mirip dengan *Nasi Lemak Kopi O* dalam format, tujuan atau audiens target. Ini mencakup program wawancara santai dengan tetamu dari pelbagai latar belakang yang menampilkan percakapan yang santai dan bersemangat. Seterusnya, pengkaji menganalisis dengan menilai persamaan dan perbezaan dalam strategi komunikasi yang digunakan dalam program-program tersebut. Perbandingan ini dapat

memberikan wawasan tentang bagaimana budaya dapat mempengaruhi pendekatan komunikasi dalam program wawancara dan seterusnya memberikan landasan yang lebih kuat untuk merancang strategi komunikasi yang efektif dalam program televisyen di masa hadapan.

5.4 RUMUSAN

Bab ini telah merumuskan hasil kajian yang dilakukan ke atas analisis wacana perbualan dalam program wawancara *Nasi Lemak Kopi O*. Kajian ini telah memberikan pandangan yang mendalam tentang bagaimana interaksi antara P dan ODW membentuk dan menyampaikan makna dalam konteks media televisyen. Penemuan kajian menunjukkan bahawa program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* menggunakan pelbagai jenis pola turutan ujaran pasangan berdampingan berdasarkan kepada analisis yang berpandukan teori analisis perbualan oleh Heritage (1992). Hasil kajian mendapati terdapat 8 pola turutan ujaran pasangan berdampingan yang digunakan oleh P dan ODW. Hal ini membuktikan program wawancara *Nasi Lemak Kopi O* mengandungi kepelbagaian variasi pasangan berdampingan yang berjaya memaparkan lakuan pertuturan yang berbeza mengikut turutan perbualan. Dari sudut praktikal, hasil kajian ini menawarkan panduan berharga bagi P dan ODW untuk meningkatkan kualiti interaksi dan kandungan program mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang kajian wacana dan komunikasi media, serta membuka jalan bagi penyelidikan yang lebih mendalam dan meluas di masa hadapan. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan pemahaman tentang dinamika komunikasi dalam program wawancara televisyen dan membantu meningkatkan kualiti penyiaran di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Mahdzan Ayob. (2020). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi* (Edisi Ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka. ISBN 978-983-62-7709-1
- Ahmad Mahmood Musanif. (2006). Analisis Perbualan: Konsep dan Pendekatan. Dlm. Ujana Minda Jilid 1. Kumpulan Esei Bahasa, Sastera dan Komunikasi. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Amirah Che Soh. (2020). Ambilan Giliran Bertutur dalam Bual Bicara Radio IKIMFM. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(2), 2020: 41 - 49 (<https://doi.org/10.17576-2020-0802-05>)
- Asmah Haji Omar. (1980). *The Malay People*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2010). Wacana temu duga dan wawancara. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (2011). Teori dan kaedah nahu: Sejarah perkembangan aliran pemikiran. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2013). Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azean Idruwani Idrus, Ahmad Mahmood Musanif & Sharil Nizam Sha'ri. (2019). Turutan Ujaran Pasangan Berdampingan dalam Program Pengacaraan Wanita Hari Ini. *Jurnal Kesidang*, 4(1), 120-139.
- Azean Idruwani Idrus & Ahmad Mahmood Musanif. (2021). Turutan Perbualan dalam Rancangan Bual Bicara. *Jurnal Kesidang*, 6(1), 120-130. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/975>
- Azean Idruwani Idrus, Sharil Nizam Sha'ri & Rohaidah Mashudi. (2021). Struktur Perbualan dalam Rancangan Bual Bicara. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*. 4(1). <http://ejbl.kuis.edu.my>
- Aziz, A., & Harun, H. (2022). *Digital Learning in the 21st Century*. Academic Press.

- Beden, John. (2020). *Understanding Perspectives: The Complaint-Explanation Technique*. Academic Press.
- Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(4), 589-597. DOI: [10.1080/2159676X.2019.1628806](https://doi.org/10.1080/2159676X.2019.1628806).
- Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. Oxford University Press
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). Sage Publications.
- Heritage, J. (1992). *Garfinkel and ethnomethodology*. Polity Press.
- Jalaluddin, N. H. (2019). Penggunaan Bahasa dalam Interaksi Sosial: Satu Kajian Kes dalam Wawancara Televisyen Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 147-163.
- Jefferson, G. (2004). Glossary of transcript symbols with an introduction. Dlm. G. H. Lerner (ed.), *Conversation analysis: Studies from the first generation*. 13–23, John Benjamins.
- Khairul Anuar Mohamed dan Azlina Rosli. (2020).). The Role of the Complaint-Explanation Technique in Understanding Respondent Perspectives. *Journal of Legal Practice*, 10(3), 145-158.
- Khairul Anuar Mohamed & Zulhilmi Pauzi. (2021). "Penggunaan Pertanyaan Sindiran dalam Komunikasi: Analisis Interaksi dan Respons Spontan." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*.
- Liddicoat, J. A. (2011). *An Introduction to conversation analysis*. Athenaeum Press Ltd.
- Maslida, A., Bakar, S., & Rahman, M. (2022). *Techniques in Qualitative Research: The Complaint-Explanation Method*. *Research Journal of Social Sciences*, 12(3), 45-60.
- McDonald, S. (1999). Exploring the process of inference generation in sarcasm: A review of normal and clinical studies. *Brain and Language*, 68(3), 486-506.
- Nik Yusri Musa. (2019). *Ethnic Relations in Malaysia from the Perspective of Hadiths*. *Asian Social Science journal*.
- Norafifah Bali dan Mohamad Hashim Othman. (2019). Implementing Effective Communication Strategies in Educational Settings. *Journal of Educational Communication*, 15(4), 120-135.

- Norizah Aripin, Hasrina Mustafa dan Adnan Hussein. (2011). Instant Messaging (IM) used in the workplace. *Journal of Techno-Social*, 3 (1), 61-78.
- Nur Nadifa. (2018). ADJACENCY PAIRS AND POLITENESS STRATEGY IN ORDINARY CONVERSATION: A STUDY AT FKIP MATARAM UNIVERSITY
- Rauf, A. (2017). The Role of Technology in Modern Education. *Journal of Technology and Education*, 35(3), 145-160
- Rosyafinaz Mohamat, Bambang Sumintono, & Harris Shah Abd Hamid. (2022). "Analisis kesahan kandungan instrumen kompetensi guru untuk melaksanakan pentaksiran bilik darjah menggunakan model rasch pelbagai faset." *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 1-14.
- Sacks, H., Schegloff, E. A., & Jefferson, G. (1974). A simplest systematics for the organization of turn-taking for conversation. *Language*, 50(4), 696-735.
- Searle, J. R. (1979). Expression and meaning: Studies in the theory of speech acts. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sharif, S. B., Wahab, M. K. B. A., & Rauf, R. B. A. (2021). Pengambilan Giliran dalam Sidang Media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia: Taking Turns in the COVID-19 Press Conference of the Ministry of Health Malaysia. *PENDETA*, 12, 91-102.
- Sharif, S., & Wahab, M. K. A. (2023). Analisis Struktur Interaksi Wacana Sidang Media Kementerian Kesihatan Malaysia Berdasarkan Teori Analisis Perbualan Liddicoat dan Model Struktur Interaksi Asmah. *Jurnal Bahasa*, 23(2), 225-258.
<https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8699>
- Smith, J. (2019). The Impact of Social Media on Modern Communication. *Journal of Communication Studies*, 34(2), 123-145.
- Za'ba. (1965). Ilmu mengarang Melayu: Bagi penggunaan guru-guru dan murid-murid darjah tinggi di sekolah menengah dan penuntut-penuntut di Maktab Latehan Guru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaharudin, M., Azlina, A., & Rosli, R. (2020). *Understanding Respondent Perspectives: The Complaint-Explanation Technique*. Academic Press.
- Zuraidah Mohd Don. (2020). Investigating Linguistic Strategies in Mediation. *Journal of Language and Communication*, 15(2), 123-145.

